

Jilid III
Bil. 10



MALAYSIA

Hari Selasa
7hb Ogos, 1973

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KETIGA

Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KETIGA

Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 833]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Bank Simpanan Pejabat Pos (Pindaan) [Ruangan 845]

Rang Undang-undang Letrik (Pindaan) [Ruangan 847]

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1972 dan 1973) [Ruangan 877]

DICETAK OLEH

MOHD. DAUD BIN ABDUL RAHMAN, KETUA PENGARAH PERCETAKAN
SEMENANJUNG MALAYSIA, KUALA LUMPUR

1974

MALAYSIA
PARLIMEN YANG KETIGA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KETIGA

Hari Selasa, 7hb Ogos, 1973

1

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N.
(Dilantik).

Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K.
(Dilantik).

Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
J.M.N. (Dilantik).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar
Bandar, TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).

„ TUAN ABDULLAH BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N., S.M.T. (Johor).

TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN,
P.M.N., J.P. (Dilantik).

TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K.,
(Negeri Sembilan).

DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).

TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).

TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).

TUAN HAJI ALI BIN HAJI ISMAIL, J.M.N., S.M.K., P.J.K., J.P. (Kedah).

TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, P.M.K., J.P. (Kelantan).

„ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).

DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).

DATUK DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Dilantik).

DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).

TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).

DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk
Kurnia Indera (Dilantik).

Yang Berhormat PUAN DASIMAH DASIR, A.M.K., J.P. (Dilantik).

AWANG DAUD BIN MATUSIN (Dilantik).

DATUK FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Dilantik).

TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik)

TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).

DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).

DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).

DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indent Maharaja Purba Jelai (Pahang).

TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).

TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).

„ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).

TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).

TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Dilantik).

DATUK KHOO SIAK CHIEW, S.P.D.K. (Sabah).

TUAN LEW SIP HON (Dilantik).

DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).

TUAN G. LOUIS, J.P. (Dilantik).

DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kedah).

DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).

TAN SRI MOHD. NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).

TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).

DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).

TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).

TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).

DATUK TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).

TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).

TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Peris).

WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).

TUAN TING MING HIA (Sarawak).

TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Dilantik).

TUAN YEAP KHENG YAM. P.J.K. (Perak).

„ TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Dilantik).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Berhormat DR LIM KENG YAIK (Dilantik).

- „ DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).
 DATUK HAJI O. K. K. SAID BESAR SIGOH BIN SINGKUNAN, P.G.D.K.,
 A.D.K., B.E.M. (Sabah).
 DATUK E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J.. J.P. (Dilantik).
 „ TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N.,
 S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).

Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG,
 P.D.K., J.P. (Kinabalu).

Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK
 HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAMZAH BIN DATUK
 ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK
 ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).

Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD,
 P.G.D.K. (Samarahan).

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ALI BIN HAJI
 AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK ABDUL SAMAD
 BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

Timbalan Menteri Kewangan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB,
 P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
 BAGI PERTANYAAN-
 PERTANYAAN**

**DR. LIM KENG YAK—
 MELETAKKAN JAWATAN**

1. Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob minta Perdana Menteri memvatakan mengapakah Menteri Tugas-tugas Khas, Dr Lim Keng

Yaik meletakkan jawatan dan siapakah gantinya.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Dr Lim Keng Yaik telah meletakkan jawatannya sebagai Menteri Tugas-tugas Khas pada lhb Jun 1973, atas sebab-sebab persendirian yang beliau fikir menasabah demi kepentingan negara.

Sebagai gantinya, Yang Berhormat. Tuan Lee San Choon telah dilantik sebagai Menteri Tugas-tugas Khas termasuk tanggungjawab bagi menyelaraskan pentadbiran Kampung-kampung Bharu.

LAPURAN SURUHANJAYA HARUN

2. Dr. Lim Ah Sitt bertanya kepada Perdana Menteri:

- (a) adakah laporan Suruhanjaya Harun ke atas pihak-pihak berkuasa tempatan dan badan-badan berkanun telah diterbitkan;
- (b) jika ya, bilakah laporan itu akan dikeluarkan untuk pengetahuan umum; dan
- (c) tarikh permulaan bagi pelaksanaan sekim gaji baru itu.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang Dipertua, Laporan Suruhanjaya Gaji Harun berkenaan dengan Penguasa-penguasa Tempatan telahpun dikemukakan kepada Kerajaan dan semasa ini sedang dikaji sebelum keputusan dibuat atas perakuan-perakuannya itu. Laporan-laporan tersebut telah juga diedarkan kepada Kesatuan-kesatuan Sekerja yang berkenaan untuk mendapat ulasan mereka itu.

Laporan Suruhanjaya Gaji Harun berkenaan dengan Badan-badan Berkanun jangka akan siap pada akhir bulan ini.

Perkara bila laporan-laporan itu dapat disiarkan untuk pengetahuan umum adalah bergantung kepada keputusan yang akan dibuat oleh Kerajaan kelak.

Memandang kepada keterangan-keterangan yang diberi di atas itu, maka terlalu awal (premature) bagi Kerajaan menyatakan pada ketika ini bilakah tanggagaji baru itu akan dilaksanakan.

i

PEMBUNUH AKHBAR RESTORAN

3. Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada orang atau orang-orang yang membunuh tuan punya Akhbar Restoran telah ditangkap; dan
- (b) apakah motif pembunuhan itu.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang Dipertua,

- (a) sehingga ini pembunuh-pembunuh itu masih belum dapat ditangkap; dan
- (b) motif sebenarnya belum dapat dipastikan.

KERETAPI TERKELUAR DARI LANDASAN

4. Dr. Lim Ah Sitt minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) sebab-sebab yang mengakibatkan tiga kejadian keretapi terkeluar dari landasan dalam masa dua hari pada awal bulan Jun—tiap-tiap satunya di Kempas di sebuah tempat empat batu dari Sungai Patani dan dekat Lahat; dan
- (b) langkah-langkah berjaga-jaga yang akan diambil oleh Kementerian ini untuk menjamin supaya kejadian seperti itu tidak akan berlaku lagi di masa hadapan dan menjamin orang ramai atas keselamatan yang lebih baik dalam perjalanan keretapi.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang Dipertua, sebab-sebab yang mengakibatkan kejadian keretapi terkeluar dari landasan yang berlaku di Kempas dan Sungai Patani ialah kerana gerabak-gerabak yang digunakan adalah gerabak-gerabak yang telah lama. Sungguhpun demikian kerja-kerja penyelenggaraan (maintenance) diadakan setiap masa untuk menentukan gerabak-gerabak lama ini berada di dalam keadaan yang baik sebelum dijalankan. Kejadian kegelinciran di Lahat, Ipoh pula adalah disebabkan oleh kepala keretapi terlanggar "mobile crane" yang pada masa itu sedang menjalankan kerja-kerja berdekatan dengan landasan keretapi.

Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu telahpun memesan 600 buah gerabak baru dari Korea Selatan untuk menggantikan gerabak-gerabak yang lama itu. Seratus lima puluh buah gerabak baru akan tiba pada bulan Disember ini sementara yang lain-lainnya akan tiba pada awal tahun hadapan.

Selain dari itu pesanan untuk membeli sebanyak 104 batu rel telah juga dibuat dan "consignment" yang pertama akan tiba pada bulan Disember ini sebagai memperbaiki lagi rel-rel yang ada di seluruh Semenanjung Malaysia ini. Sebuah sekolah latihan telah juga diadakan untuk melatih pekerja-pekerja keretapi menjadi mahir dan lebih berpengalaman di dalam menjalankan tugas-tugas mereka kerana ramai pegawai-pegawai atau kakitangan yang berpengalaman telah pencen atau telahpun berhenti, sebab itulah kita kena memberi latihan.

Dengan langkah-langkah yang disebutkan itu, saya percaya Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu akan dapat memberi perkhidmatan yang lebih memuaskan lagi kepada orang ramai pada masa akan datang.

Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya hendak tahu mengapakah kita order daripada Korea Selatan, dan tidak daripada Great Britain kerana rel-rel kita itu ialah kita dapati daripada Great Britain?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Pembelian gerabak-gerabak keretapi ini diadakan dengan international tender. Bagi United Kingdom atau mana-mana negeri di dunia ini yang ada menjual keretapi mereka masuk tender, dan tender yang paling murah sekali ialah daripada Korea Selatan dan dia mengikut sebagaimana specifications itu. Rel tidak berubah. Rel itu meter gauge.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Gerabak yang dipesan daripada Korea Selatan ini mengikut jawapan Yang Berhormat Menteri menyatakan tadi bahawa tendernya adalah murah dan menasabah. Adakah gerabak itu juga mudah tergelincir daripada rel itu?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya tidak berapa dengar soalan yang akhir itu.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Oleh kerana tendernya murah, senang dan menasabah, tetapi adakah dia mudah juga tergelincir daripada relnya itu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Mengikut nasihat teknikal, apa benda yang dibina mengikut specifications tentulah tidak tergelincir. Kegelinciran yang berlaku itu ialah gerabak lama absorbernya sudah tak jalan baik, kadang-kadang berat sebelah, spring senget sebelah masa dalam perjalanan.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang Dipertua, kalau absorber dia sudah tak betul, sekarang ini baharu tahu mengapa tak dibetulkan sebelum dia itu terbalik?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang Dipertua, saya sudah terangkan tadi semasa di Sentul Workshop semua sudah diperiksa kerana barang ini lama sudah di

maintain tetapi dalam perjalanan beratus batu itulah terjadi kegelinciran itu, bukan waktu keluar daripada workshop.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang Dipertua, adakah ini sebahagian daripada kelalaian pegawai-pegawai ataupun kakitangan keretapi yang ada sekarang ini atau sengaja ada satu sabotaj yang dilakukan di dalam usaha keretapi ini sehingga mendatangkan ketakutan kerugian dan was-was bagi orang yang hendak menaiki keretapi.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang Dipertua, sepanjang siasatan kita tak ada sabotaj. Sepanjang siasatan kita pegawai-pegawai kita bekerja bersungguh-sungguh, tetapi malang tak berbau. Kalau Ahli Yang Berhormat itupun hendak kena kemalangan walaupun motokar baru atau lori baru hendak patah dia patah juga, itu satu kemalangan.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang Dipertua, malang itu memang betul tak berbau, tetapi kalau kemalangan itu berlaku setiap waktu, setiap masa, itu bukan boleh dikatakan kemalangan, tetapi itu boleh dikatakan sengaja melakukan kemalangan atau sengaja dilakukan. Adakah ini dapat menyakinkan bahawa keretapi itu betul-betul tidak ada perbuatan khianat di dalamnya?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang Dipertua, sepanjang siasatan kita, saya kata tak ada. Kemalangan yang berlaku itu bukan wagon, wagon yang kita hendak beli 600, bukan wagon itu, bukan rail di situ. Sebab itu kita cukup berjaga dan saya harap dengan adanya latihan itu akan lebih baik keadaannya dan apabila dapat wagon-wagon yang baru ini.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri bahawa pada satu masa dalam perjalanan kami daripada Johor Bahru ke Kuala Lumpur di mana bekas Yang Dipertua Dewan ini bersama-sama telah dipindahkan pada malam itu. Pada malam waktu keretapi itu sarnpai di Gemas kami telah dipindahkan serta-merta oleh kerana roda keretapinya sudah rosak. tak boleh jalan, kalau dia iaian juga maka terbalik—Kelas I air-conditioned, car. Adakah mi juga merupakan satu hal yang sengaja dilakukan atau kecuaiian sebab

yang naik keretapi Kelas I itu agaknya mungkin Menteri yang berkenaan pun selalu naik keretapi itu, tetapi adakah ini sebagai sebab kecuiaan berlakunya hal-hal yang seperti ini?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang Dipertua, soal ini soal keretapi cargo, bukan coach passenger. Ini soal lain. Saya akan siasat perkara-perkara ini bukan sahaja beliau, saya sendiri pun dua tiga kali telah terkena, tetapi air-condition itu kadang-kadang wayarnya dalam masa bergerak itu longgar atau putus, jadi air-condition tak jalan, tetapi nasib baik juga dapat tukar keretapi, kalau di tengah-tengah hutan itu lagi susah tak boleh tukar. Kita kenalah sabar dan saya akan minta perkara ini diperbaiki.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang Dipertua, ini bukan air-conditioner itu yang rosak, rodanya itu hendak tercabut.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya sendiri telah jumpa keadaan ini bersama yang Teramat Mulia Tunku pada waktu hendak datang ke Kuala Lumpur, tetapi ini juga boleh jadi dalam perjalanan. Sebab itu apabila keretapi sampai ke Ipoh dia berhenti selama 40 minit dan diperiksa rodanya semua sekali, tetapi malangnya di antara Ipoh dengan Kuala Lumpur boleh jadi screwnya longgar, nasib baik dia tak keluar terus.

TANDAS DI LAPANGAN TERBANG SUBANG

5. Dr. Lim Ah Sitt minta Menteri Perhubungan menyatakan adakah beliau sedar tentang keadaan kotor dalam tandas-tandas di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang sebagaimana yang ditegur berulang-ulang kali oleh pelancung-pelancung dan orang ramai, jika ya, apakah langkah-langkah perlu yang akan diambil untuk menyelenggara dan membersihkan tandas-tandas tersebut supaya sesuai dengan taraf antarabangsa.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang Dipertua, pihak berkuasa penerbangan awam dan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang sentiasa mengawasi kebersihan tandas-tandas di lapangan terbang itu. Malangnya, kadang-kadangkala ada juga terdapat keadaan-keadaan yang kotor, sebab setengah-setengah orang daripada mana-mana juga dia buang air besar ia tak tahu mana button hendak press—tinggal begitu sahaja.

Kadang-kadang ada orang yang jaga. orang itu keluar dan orang lain masuk gunakan tandas itu, itulah sebabnya. Walaumacamanapun, kita telah mengadakan sebuah Jawatankuasa Tindakan dan saya telah beri arahan kepada Jawatankuasa ini supaya mengadakan sub-committee menjaga sebaiknya keadaan kebersihan dan segala-segalanya bukan sahaja tandas tetapi semua tempat di terminal building itu. Saya suka juga merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan orang ramai supaya dapat memberi kerjasama apabila menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan di sana, samada tandasnya ataupun keadaan di bangunan itu kerana macammama pun disapu, dibersihkan kalau tak ada kerjasama dari orang ramai seperti puntung rokok ada tempatnya tak dibuang dalam tempat puntung rokok, campak di situ dan lain-lain tempat. Inilah saya harap daripada pihak Jawatankuasa Bertindak akan bertindak, tetapi saya minta kerjasama daripada orang ramai supaya menjaga kebersihan di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang kita itu.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya mengucapkan tahniah kepada Menteri yang berkenaan yang telah memberikan tender pembersihan lapangan kapal terbang itu kepada bumiputra, kalau tak salah saya ialah diambil oleh bumiputra tetapi selama bumiputra itu bekerja di situ maka timbul bermacam-macam tuduhan kekotoran dan sebagainya. Adakah oleh kerana bumiputra mendapat tender itu, maka tuduhan-tuduhan kekotoran itu terbit dengan disengajakan dan adakah pembersihan itu masih dijalankan oleh syarikat bumiputra?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang Dipertua tiap-tiap kita keluarkan tender ada syarat-syaratnya, berapa kali sehari hendak dibersihkan, berapa orang yang menjaga tandas dan sebagainya. Memang ada komplek-komplek atas tender yang telah dapat pada bumiputra sudahpun diberi nasihat, sudahpun diberi amaran tetapi kadang-kadang tak dapat hendak menunaikan, maklumlah orang bekerja di situ mulai dari pukul 6.00 pagi sudah ada manusia, kadang-kadang pembersih-pembersih datang lambat. Tetapi kita sudah keluarkan tender baharu dan saya harap orang-orang yang dapat tender baharu ini sekiranya tidak

menjalankan kewajipan, mereka kenalah berhenti mengikut syarat-syarat tender yang ada ditetapkan.

Tuan Hail Othman bin Abdullah: Tuan Yang Dipertua, selalunya manakala tender itu didapati oleh satu syarikat atau kompeni bumiputra, maka tekanan-tekanan ini dikenakan kepada syarikat bumiputra ini, bukan oleh Menteri tetapi oleh kakitangan-kakitangan yang ada di lapangan itu sendiri. Adakah Menteri yang berkenaan patut menyasiat ataupun memberikan kelapangan sedikit kepada syarikat yang baru ini kalau sekiranya dilakukan oleh orang yang* baru; oleh syarikat bumiputra memberikan ke-maafkan kepadanya atau menganggap bahawa perbuatannya itu adalah perbuatan yang melanggar peraturan-peraturan dan perjanjian.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang Dipertua, saya suka hendak menerangkan kepada ahli-ahli Yang Berhormat sekalian iaitu pegawai-pegawai kami di lapangan terbang sudah cukup menimbang, sudah cukup beri waktu dan sebab-sebab itulah telah ada tuduhan tak bersih dan begitu dan begitu. Walau bagaimanapun kami mesti menjalankan kewajipan terhadap orang ramai dan kepada keadaan lapangan terbang yang mesti dijaga dengan baik dan bersih juga terminal building dijaga dengan baik dan dengan bersihnya.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sanggup saya mengemukakan di luar Dewan ini beberapa nama orang-orang yang menekan syarikat bumiputra di dalam tender dan pekerjaan yang ada di lapangan terbang?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang Dipertua, tak payah. Sepatutnya Ahli Yang Berhormat itu sebelum saya masuk ke mari beliau pun boleh serahkan kepada saya dan saya akan adakan siasatan (investigation).

RISDA—RANCANGAN TANAMAN SEMULA

6. Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan bilangan pekebun-pekebun kecil getah yang menyertai rancangan tanam semula semenjak penubuhan RISDA.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul • Taib,-bin Mahmud): Tuan Yang Dipertua, jumlah pekebun-pekebun kecil yang menyertai rancangan tanam semula RISDA semenjak tertubuhnya, iaitu pada 1hb Januari, 1973, ialah 19,068 kesemuanya dan jumlah luas kawasan ialah 69,280 ekar.

Angka-angka ini merupakan banyaknya permohonan yang diluluskan pada 31hb Mei tahun ini. Banyak lagi permohonan akan dapat diluluskan daripada tarikh itu sehingga hujung tahun ini. Saya taksirkan bahawa jumlah pekebun-pekebun kecil yang akan mendapat bantuan dalam tahun ini ialah 30,000 sambil luas kebun-kebun akan meningkat kepada 120,000 ekar.

TANGGAGAJI GURU-GURU DALAM SURUHANJAYA AZIZ

7. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) samada beliau akan menimbang menaikkan pangkat guru-guru dalam Kategori B1 ke Kategori C2, jika tidak mengapa;
- (b) anggaran kekurangan guru-guru dalam sekolah-sekolah rendah dan menengah dalam tahun 1974; dan
- (c) samada beliau akan menimbang menghantar guru-guru sementara untuk berlatih di pusat-pusat latihan guru, dengan tujuan menyerap mereka ke jawatan tetap setelah tamat latihan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang Dipertua, pihak Kementerian tidak akan menimbang menaikkan tanggagaji bagi guru-guru dalam Kategori B1 dinaikkan kepada Kategori C2 kerana adalah sebagaimana yang telah disyorkan oleh Suruhanjaya Aziz dan dipersetujukan oleh Kerajaan tanggagaji yang telah diberikan kepada Kategori B1 adalah sesuai dengan guru-guru yang memiliki Sijil Rendah Pelajaran.

Tentang soalan (b), jawabnya dengan mengambil perhitungan bilangan guru-guru yang akan keluar daripada Maktab-maktab perguruan dan Universiti-universiti, bilangan guru-guru yang diperlukan untuk menampung

keperluan murid-murid baru dan kadar kehilangan guru-guru disebabkan pesaraan, kematian dan perletakan jawatan, anggaran kekurangan adalah seperti berikut:

Sekolah Rendah	7,500
Sekolah Menengah	2,500

Tentang soalan (c), jawabnya bagi mereka yang memiliki kelayakan serta syarat-syarat yang diperlukan maka ada kemudahan bagi mereka meneruskan latihan-latihan guru dengan tujuan menyerapkan mereka ke jawatan tetap setelah tamat latihan dan ini terpulangnya kepada kelayakan-kelayakan yang dipunyai oleh orang-orang yang memohon supaya diberi kemudahan latihan ini dan syarat-syarat ini adalah diketahui oleh pihak-pihak yang mungkin suka menjalani kursus latihan ini.

KERJA LEBIHMASA

8. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk memansuhkan semua kerja lebihmasa untuk menyediakan lebih banyak lagi peluang-peluang pekerjaan kepada orang-orang yang menganggur.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang Dipertua, adalah tidak mungkin dan tidak praktik untuk memansuhkan semua kerja lebihmasa. Di bawah Ordinan Pekerjaan, kerja lebihmasa adalah dihadkan kepada 32 jam sebulan untuk seorang pekerja. Had masa yang diberikan ini adalah berpatutan untuk membolehkan majikan-majikan mengambil lebih banyak pekerja-pekerja bagi menjalankan kerja-kerja yang kian bertambah, daripada membayar gaji lebihmasa dengan kadar yang tinggi kepada pekerja-pekerja vans sedia ada. Had bekerja lebihmasa di bawah Ordinan Pekerjaan ini, sememangnya, adalah diadakan undang-undang untuk menolong mewujudkan peluang-peluang pekerjaan.

GADIS-GADIS JADI PELACUR— CEGAH

9. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Kebajikan Am menyatakan menurut perkara 6 (1) dan (2) Persembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa tiada sesiapa pun boleh

ditahan sebagai abdi dan segala kerja paksa adalah dilarang, apakah tindakan Kerajaan telah ambil untuk mencegah gadis-gadis dari jatuh ke lembah pelacuran.

Menteri Kebajikan Am (Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang Dipertua, pada hemat saya, Fasal 6 (1) dan (2) Persembagaan Persekutuan mengenai larangan terhadap abdian dan kerja paksa tidak ada kaitannya dengan gadis-gadis yang dipikat untuk menjadi pelacur. Walau bagaimanapun saya suka menyatakan bahawa dalam Enakmen-enakmen Perlindungan Wanita dan Gadis ada peruntukan-peruntukan bagi menghukumkan orang-orang yang memikat orang-orang perempuan untuk maksud pelacuran dengan cara-cara palsu atau pernyataan palsu, atau cara tipuan atau perdayaan, dan juga bagi menghukumkan orang-orang yang hidup dengan sepenuh atau sebahagiannya atas pendapatan dari pelacuran seorang lain. Orang-orang tersebut, apabila kesalahannya disabitkan, boleh dikenakan penalti-penalti yang berat. Ini adalah peruntukan-peruntukan Undang-undang yang menakutkan dan sedikit sebanyak adalah diharap akan mengurangkan perbuatan memikat wanita-wanita dan gadis-gadis untuk menjadi pelacur.

Kerajaan adalah sedar tentang perbuatan-perbuatan salah setengah-setengah agensi-agensi dan individu-individu yang memikat wanita-wanita dan gadis-gadis menjadi pelacur dengan dalih untuk mendapatkan mereka pekerjaan dan lain-lain helah. Pasukan Pencegah Maksiat sedang mengawasi dengan rapinya agensi-agensi tersebut dan yang sebenarnya telahpun menangkap dan mendakwa kes-kes itu dalam Mahkamah.

Tindakan yang sewajarnya telah juga diambil melalui akhbar-akhbar dari semasa ke semasa untuk memberi pablisiti yang secukupnya bagi memperingatkan orang awam supaya berwaspada terhadap agensi-agensi gelap dan individu-individu apabila menjawab kepada iklan-iklan mengenai pekerjaan dan janji-ianji bagi lain-lain perkhidmatan.

Dr Mahathir bin Mohamad: Soalan tambahan. Tuan Yang Dipertua. Di dalam surat-khabar pada hari ini di France seorang Ahli Parlimen France telah berkata bahawa adalah menjadi hak asasi kaum wanita menggunakan tubuh badan mengikut suka hatinya di dalam zaman women's liberation ini. Adakah pihak Kementerian ini berpendapat bahawa samada

wanita-wanita ingin menggunakan tubuh badannya ikut kehendak hatinya sendiri adalah hak mereka dan mereka bolehlah dibenarkan menjadi apa sahaja yang mereka ingin menjadi dengan kerana ini memang hak asasi mereka.

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Itu soalan lain, Tuan Yang Dipertua.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Soalan lain itu adakah maknanya benar bahawa itu hak asasi wanita?

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Itu pun soalan lain juga.

TANAH DI KAMPUNG PEDAS REMAU

10. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan sebab-sebab kelambatan untuk mendapatkan sebidang tanah di Kampung Pedas, Negri Sembilan oleh Kerajaan untuk diperuntukkan kepada orang-orang yang telah tinggal di sana sejak darurat.

Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Tuan Yang Dipertua, oleh kerana soalan ini tidak menyatakan dengan tepatnya tanah yang mana yang dimaksudkan, saya hanya boleh menganggap bahawa soalan ini ialah mengenai tanah Lot No. 438 Mukim Pedas, Daerah Rembau, Negri Sembilan, di mana 39 keluarga telah ditempatkan di atas tanah ini semenjak darurat dahulu.

Kelambatan menyelesaikan pengambilan balik tanah ini berlaku dengan sebab tuan-tuan tanah tidak bersetuju dengan jumlah wang pampasan yang ditawarkan oleh Pemungut Hasil Tanah. Dengan demikian, wang itu telah disimpan di Mahkamah Tinggi, Seremban. Tindakan-tindakan untuk merojokkan perkara ini ke Mahkamah sedang diambil oleh Pemungut Hasil Tanah Rembau. Sementara itu, tanah ini telahpun selesai diambil balik dengan rasminya semenjak 3.5.1973.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BANK SIMPANAN PEJABAT POST (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Haji Mohamed bin Yaeob): Tuan Yang Di-

pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama "Akta meminda Ordinan Bank Simpanan Pejabat Pos, 1948" dibaca bagi kali yang kedua.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bermula dari 8hb Mei, 1973 peraturan saling penukaran wang Malaysia dan Singapura telah ditamatkan. Bermula dari 19hb Mei, 1973 semua Kementerian-kementerian, Jabatan dan Pejabat-pejabat Kerajaan dan Badan-badan Berkanun telah diarahkan menolak pembayaran dengan wang Singapura.

Dengan penamatan ini, timbul masalah mengenai peraturan saling pengeluaran antara Bank Simpanan- Pejabat Pos di Malaysia dan di Singapura, kerana seksyen 22, Ordinan Bank Simpanan Pejabat Pos, 1948 membenarkan seorang penyimpan wang di Singapura mengeluarkan wangnya di Malaysia. Begitu juga, penyimpan di Bank Simpanan Pejabat Pos di Malaysia dibenarkan mengeluarkan wangnya di Singapura. Peraturan ini ada hasil pertalian lama antara kedua-dua buah negara dan dapat dijalankan oleh sebab matawang kedua-dua negeri adalah sama nilainya dan juga disebabkan oleh adanya persetujuan saling penukaran bagi matawang mereka.

Bila persetujuan saling penukaran ini ditamatkan, kemudahan yang dibenarkan di bawah seksyen 22, Ordinan Bank Simpanan Pejabat Pos, 1948 tidak dapat diteruskan. Akan tetapi peraturan ini hanya dapat dihentikan dengan menhapuskan seksyen 22, dan ini hanya dapat dibuat dengan Parlimen meminda Ordinan tersebut. Sementara menanti Parlimen memberi persetujuan tersebut, Kementerian Kewangan telah mengarahkan Ketua Pengarah Pos supaya mengarahkan semua Pejabat-pejabat Pos bermula dari 20hb Mei, 1973 membenarkan pengeluaran bagi penyimpan-penyimpan di Bank Simpanan Pejabat Pos, Singapura hanya dengan ringgit Malaysia, mengikut kadar penukaran antara ringgit Malaysia dan ringgit Singapura yang ditetapkan oleh pihak berkuasa Malaysia. Peraturan baru ini telahpun diberitahu oleh Ketua Pejabat Pos kepada Pengurus Besar, Bank Simpanan Pejabat Pos, Singapura.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang Dipertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LETRIK (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang Dipertua, saya mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Undang-undang Letrik 1949 dibacakan kali yang kedua.

Tujuan utama pindaan ini ialah untuk membolehkan Lembaga Letrik Negara mengambil bahagian dalam perindustrian dengan persendirian ataupun dengan cara berkongsi. Adalah dianggarkan bahawa Lembaga Letrik Negara (L.L.N.) bersama-sama dengan Perak River Hydro, Penang City Council, Sabah Electricity Board dan Sarawak Electricity Supply Corporation akan membelanjakan sebanyak \$261 juta bagi membeli perkakas-perkakas letrik seperti transformers, switch gears, cables, meters dan lain-lain dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua. Memandang kepada kehendak-kehendak Negara mengenai dengan perkakas-perkakas ini begitu banyak, adalah didapati bahawa lebih berfaedah bagi L.L.N., melibatkan diri dalam membuat barang-barang itu. Di antara faedah-faedah yang akan didapati jika Lembaga Letrik Negara melibatkan diri dalam kegiatan perindustrian adalah seperti berikut :

(a) Harga barang-barang ini kepada Lembaga Letrik Negara dapat dikawal dan dikurangkan dan jika ada keuntungan, keuntungan ini akan dapat balik kepada Lembaga Letrik Negara.

(b) Cara ini menjamin bahawa barang-barang ini dapat dibekalkan kepada Lembaga dengan tidak berputusan oleh kerana Lembaga mempunyai kuasa menguntukkan dasar-dasar sesuatu syarikat dalam masaalah pembekalan,

(c) Menjamin bahawa mutu perkakas-perkakas ini adalah mutu yang diterima di negeri ini,

(d) Menjimat pertukaran wang luar negeri,

(e) Membolehkan negara ini mendapat kebolehan dan kecekapan daripada proses membuat perkakas-perkakas tersebut,

(f) Menambah peluang-peluang pekerjaan dalam negeri ini.

Untuk mencapai tujuan ini perenggan baru (ba) seksyen kecil 15 (2) yang telah dicadangkan itu akan memberi kuasa kepada Lembaga Letrik Negara mengambil alih perniagaan seseorang atas sesuatu syarikat yang menjalankan perniagaan memasang atau membuat loji dan pemasangan letrik dan membuat perkiraan-perkiraan perniagaan dengan mana-mana orang atau syarikat itu. Tetapi sebelum Lembaga berbuat demikian kelulusan Menteri Kerja Raya dan Tenaga dan Menteri kewangan adalah perlu didapati terlebih dahulu. Melalui seksyen-seksyen kecil baru (3), (4), dan (5) Lembaga Letrik Negara akan diberi kuasa, dengan kelulusan Menteri Kerja Raya dan Tenaga, menubuhkan perbadanan-perbadanan bagi menjalankan projek, sekim-sekim atau enterprise "yang dirancang atau diusahakan oleh Lembaga Letrik Negara sebagai yang termasuk dalam kewajipan-kewajipan dan kuasa-kuasanya. Melalui pindaan bagi perenggan (c) dalam seksyen kecil (2) Lembaga Letrik Negara akan dibenarkan menjual loji dan pesanan-pesanan letrik di dalam dan di luar negeri.

Selain daripada ini Rang Undang-undang ini telah juga benujan membuat pindaan kepada seksyen 5. Seksyen 5 (1) (a) yang ada sekarang memperuntukkan hanya 2 Pegawai Perkhidmatan Awam menjadi Ahli Lembaga. Peruntukan ini adalah terhad dan dari pengalaman adalah didapati penting dan juga berfaedah jika peruntukan supaya membolehkan lebih daripada 2 Pegawai Perkhidmatan Awam dilantik menjadi ahli. Demikianlah tujuan pindaan kepada seksyen 5 (1) (a) yang telah dicadangkan itu. Sementara itu pindaan kepada seksyen 5 (1) (b) bertujuan untuk

mengadakan peruntukan bagi perlantikan seorang ahli giliran bagi tiap-tiap ahli yang mana adalah seorang Pegawai Awam. Berikutan ini pindaan kepada seksyen 9 seperti yang dicadangkan melalui fasal 6 memerlukan bahawa sekurang-kurangnya 2 Pegawai Perkhidmatan Awam mestilah hadir sebelum satu mesyuarat Lembaga boleh diuruskan.

Seksyen 6 yang ada sekarang menghalangkan seseorang Ahli Lembaga mengadakan apa-apa kepentingan dalam mana-mana usaha letrik di Negeri Malaya dan Republik Singapura sahaja. Oleh kerana pada masa sekarang banyak daripada perkakas-perkakas letrik yang dibeli oleh Lembaga Letrik Negara adalah daripada syarikat-syarikat letrik antarabangsa, adalah didapati perlu pindaan dibuat untuk menghalangkan seseorang Ahli mempunyai syer-syer di mana-mana perusahaan letrik samada di dalam atau di luar negeri. Demikianlah tujuan pindaan kepada seksyen 6 seperti yang dicadangkan melalui fasal 5.

Dengan pindaan kepada syarat 12 yang telah dicadangkan melalui fasal 7, Lembaga Letrik Negara adalah dikehendaki mendapatkan kelulusan Menteri sebelum Lembaga boleh mengadakan satu sekim perkhidmatan baru bagi kakitangan ataupun membuat apa-apa pindaan kepada sekim yang telahpun ada. Pemberian hak, bayaran atau elaun baru kepada kakitangan Lembaga mestilah juga dipersetujui oleh Menteri Kerja Raya dan Tenaga terlebih dahulu.

Akhir sekali, adalah dicadangkan bahawa seksyen 15 (a) yang ada sekarang dipinda supaya menjadikan arahan-arahan Menteri kepada Lembaga terikat sepenuhnya ke atas Lembaga dalam tiap-tiap hal. Ini ialah untuk menyelaraskan kedudukan Lembaga Letrik Negara dengan Iain-lain badan berkanun.

Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini adalah berkaitan dan berikutan dengan pindaan-pindaan kepada seksyen-seksyen yang telah disebutkan tadi.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Negara kita adalah sebuah negara yang mengamalkan sistem free enterprise. Kita bukanlah satu negara yang berpandu kepada sosialisma ataupun berkehendak supaya perusahaan-perusahaan di dalam negara kita ini dijadikan hak milik negara. Tetapi pendapat Kerajaan kita ialah kalau menjadi kepentingan kepada negara dan rakyat bahawa sesuatu perusahaan itu menjadi hak milik negara, maka Kerajaan kita tidak berasa terhad oleh kerana kita berpandu kepada free enterprise menghalang kita daripada menjadi sesuatu itu hak milik negara.

Di dalam perusahaan letrik ini, saya percaya bahawa pihak Kerajaan memang berfahaman bahawa di dalam perusahaan ini adalah lebih baik daripada kepentingan negara dan daripada kepentingan rakyat bahawa perusahaan ini dijadikan hak milik negara. Sekarang ini telahpun terjadi perusahaan letrik ini hak milik negara dan Undang-undang yang dibentangkan oleh pihak Yang Berhormat Menteri akan memperluaskan lagi usaha ini supaya perusahaan membentuk dan membuat bermacam-macam alat untuk perusahaan ini dapat juga dijalankan oleh perusahaan letrik negara.

Tuan Yang Dipertua, saya percaya akhirnya Undang-undang ini akan mendatangkan faedah yang banyak dan keuntungan yang banyak kepada negara dan rakyat. Malangnya kadang-kadang apabila kita menjadikan sesuatu perusahaan itu hak milik negara orang-orang yang menjalankan perusahaan ini, pihak-pihak yang mentadbir perusahaan ini tidak begitu memahami sebab-sebabnya pihak Kerajaan menjadikan perusahaan ini hak milik negara. Mereka berpendapat bahawa ini

adalah satu hak untuk dijalankan usaha ini semata-mata untuk perbadanan ataupun badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan tanpa memikir tentang kepentingan negara dan kepentingan rakyat

Di dalam perusahaan letrik ini selama ianya telah dijadikan hak milik negara telah terdapat beberapa perkara yang mana menunjukkan bahawa tujuan utama Kerajaan iaitu menjadikan perusahaan ini hak milik negara oleh kerana kepentingan rakyat dan negara telahpun diketepikan dan yang diutamakan ialah semata-mata kepentingan badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan ini, bukan berkanun yang mentadbirkan perusahaan ini.

Di dalam perusahaan letrik ini, perkara ini terbukti berkenaan dengan beberapa perkara, umpamanya dalam membawa kemudahan letrik ini kepada kawasan-kawasan luar bandar. Kita tahu bahawa di dalam semua perusahaan ada kalanya keuntungan itu lebih banyak, tetapi ada kalanya kalau perusahaan itu diusahakan tidak mendatangkan keuntungan yang begitu banyak. Di dalam perusahaan letrik ini sudah tentu perusahaan ini mendatangkan keuntungan yang banyak apabila perusahaan ini dijalankan di dalam bandar-bandar, tetapi kalau dibuat di dalam kawasan-kawasan luar bandar di mana penduduknya tidak begitu banyak dan tidak begitu kaya, maka keuntungan daripada membawa letrik ini kepada kawasan-kawasan ini tidaklah begitu banyak. Tetapi apabila pihak Wakil-wakil Rakyat dan orangramai seterusnya meminta kepada lembaga ini' supaya diperuntukan letrik kepada kawasan-kawasan luar bandar yang tidak akan mendatangkan keuntungan yang begitu banyak kepada badan ini, maka badan ini telah menolak permohonan ini oleh kerana mereka berkata bahawa membawa letrik kepada kawasan-kawasan itu tidak memberi keuntungan kepada badan ini walaupun ini mendatangkan keuntungan yang banyak kepada penduduk-penduduk di kawasan-kawasan luar bandar.

Pendapat yang semacam ini oleh' pihak yang menguasai badan berkanun ini adalah bercanggah tidak sesuai dengan kehendak Kerajaan, kehendak kita semua untuk menjadikan perusahaan ini hak milik negara. Kita ingin menjadikan perusahaan ini hak milik untuk kepentingan rakyat dan kepentingan rakyat ialah supaya letrik ini dibawa kepada

kawasan-kawasan luar bandar. Sungguhpun usaha ini akan mengurangkan keuntungan kepada badan ini, perkara yang semacam ini mestilah ditimbang oleh pihak-pihak yang menjalankan pentadbiran ini, yang menjalankan badan berkanun ini.

Kita dapati umpamanya bayaran-bayaran untuk letrik kepada kawasan di dalam bandar kadang-kadang lebih murah daripada kawasan-kawasan luar bandar ataupun kadang-kadang di antara pekan-pekan yang kecil—bandar-bandar yang kecil peruntukan letrik ini dikenakan bayaran yang lebih daripada bandar-bandar yang besar. Umpamanya di Kota Bahru bayaran bagi satu yunit, saya diberitahu adalah lebih tinggi daripada bayaran yang dikenakan oleh Bandaraya Kuala Lumpur, oleh kerana di Kuala Lumpur ini lebih banyak pengguna-pengguna yang menggunakan letrik. Dan katanya perbelanjaan untuk memberi kuasa letrik ini kepada Kota Bahru adalah lebih tinggi, oleh sebab ini dikenakan bayaran yang lebih tinggi kepada Bandar Kota Bahru. Ini tidaklah sesuai dengan tujuan utama kita untuk menjadikan perusahaan ini hak milik negara. Kita berkehendakkan supaya pendapat ataupun keuntungan daripada tempat-tempat yang besar seperti Bandaraya Kuala Lumpur ini diperedarkan kepada tempat-tempat yang kecil dan kawasan-kawasan luar bandar, tetapi apa yang terjadi ialah disebaliknya. Kawasan-kawasan luar bandar mestilah membayar lebih untuk mendapat kuasa letrik ini daripada kawasan-kawasan yang ada di dalam bandar-bandar yang besar seperti Kuala Lumpur. Keadaan yang semacam ini, saya percaya patut mendapat perhatian daripada pihak Menteri, kerana di dalam Undang-undang baharu ini satu kuasa mutlak diberi kepada Menteri untuk menentukan sebarang polisi yang sesuai dengan kehendak Kerajaan.

Lembaga Letrik ini sepatutnya berusaha untuk memberi lebih banyak kuasa letrik kepada tempat-tempat yang sekarang ini berkehendakkan kepada kuasa ini, untuk memberi ataupun membawa kuasa letrik kepada kawasan-kawasan yang terpencil. Sudah tentu lembaga ini mustahak menggunakan ataupun membelanjakan lebih banyak wang supaya dengan diperuntukkannya kuasa ini mereka juga akhirnya akan dapat pendapatan yang lebih daripada masa sekarang.

Malangnya pihak yang berkuasa di dalam Lembaga ini berpendapat bahawa mereka tidak bertanggungjawab tentang membawa kuasa letrik ini kepada kawasan-kawasan yang berkehendak kepada kuasa ini, melainkan kalau kawasan-kawasan itu sendiri bertanggungjawab tentang memberi peruntukan ataupun membiayai perbelanjaan untuk mendatangkan kuasa letrik ini. Khususnya, saya sebutkan ialah berkenaan dengan sub-station yang mesti diadakan apabila satu-satu tempat itu berkehendak kepada kuasa letrik.

Kalau perusahaan ini dijalankan oleh pihak swasta umpamanya, mereka akan mengkaji perolehan yang mereka akan dapat daripada extension kepada kuasa ini, samada perolehan ini akan mendatangkan faedah kepada mereka, mendatangkan keuntungan kepada mereka. Tetapi Lembaga ini tidak membuat kajian sedemikian. Kalau mana-mana pihak berkehendak kepada kuasa letrik, maka pihak itulah dipaksa untuk membelanjakan untuk menyediakan tempat-tempat supaya sub-station untuk Lembaga ini dapat diadakan. Pihak Lembaga tidak mahu menyediakan tempat untuk sub-station ini dan mereka memberi surat amaran kepada sesiapa juga yang ingin mengadakan development di dalam tempat-tempat yang belum ada bekalan letrik, iaitu kalau mereka ingin untuk mendapatkan letrik, maka merekalah akan menyediakan tempat ini. Kalau tidak menyediakan, maka mereka akan membangunkan bangunan mereka dan tidak akan diberi kuasa letrik sama sekali.

Surat amaran ini diperedarkan kepada semua pihak-pihak yang menjalankan usaha pembangunan di dalam negara. Kalau sebuah bangunan hendak didirikan di mana-mana tempat sungguhpun pihak lain meluluskan bangunan ini, Lembaga ini akan menghantar surat kepada pihak yang membuat bangunan ini, memberi amaran, kalau tidak disediakan satu tempat untuk satu sub-station, maka bangunan ini tidak akan diberi kuasa letrik sama sekali. Maka terpaksa mereka ini yang ingin mendirikan bangunan ini memberi secara percuma kepada Lembaga Letrik Negara ini tempat untuk mendirikan satu sub-station.

Pihak Lembaga Letrik Negara ini cuma sanggup membayar sebanyak \$10 untuk beberapa besar sekali bangunan sub-station ini, cuma \$10 tidak lebih daripada itu. Kalau tidak sanggup menerima \$10 untuk tanah

ini walaupun satu kaki persegi berharga \$50 pada satu kaki persegi cuma \$10 sahaja yang akan dibayar, kalau tak sanggup, maka tidak akan diberi kuasa letrik sama sekali. Maka pihak yang mengadakan bangunan ini sudah tentu terpaksa memberi kepada pihak Lembaga tanah atau kawasan ini. Dan bangunan yang didirikan untuk sub-station ini begitu huduh sekali sehingga memburukkan rupa rumah-rumah ataupun bangunan-bangunan yang didirikan oleh pihak yang membuat development ini. Kadang-kadang bangunan ini melindungi rumah-rumah yang cantik yang dibina oleh developers ini, tetapi apa boleh buat, kalau tidak diberi tanah ini, maka rumah-rumah yang dibangunkan oleh pihak developers ini tidak akan diberi sub-station ataupun tidak diberi kuasa letrik sama sekali. Ini adalah sikap Lembaga Letrik Negara oleh kerana ada undang-undang yang boleh diguna oleh mereka.

Mereka berhak mengenakan undang-undang kepada sebarang developers, kalau tidak diberi, maka mereka tidak akan memberi kuasa letrik. Sebaliknya kita tahu kalaulah perusahaan letrik ini dijalankan oleh pihak swasta, mereka akan berlumba-lumba untuk memberi kuasa letrik ini kepada developers oleh kerana akhirnya keuntungan daripada peruntukan ini akan datang kepada pihak mereka sendiri, tetapi sungguhpun Lembaga Letrik Negara ini sedar bahawa akhirnya dengan kutipan daripada hasil penggunaan letrik ini, mereka akan dapat keuntungan yang begitu banyak, mereka tidak bersikap sebagai orang yang berniaga sebagai pengusaha tetapi mereka bersikap sebagai seolah-olah mereka tidak bertanggungjawab samada pembangunan yang dilakukan oleh pihak swasta ini mendapat peruntukan atau tidak. Kadang-kadang terdapat umpamanya berkenaan dengan memasang tiang letrik. Pihak Lembaga Letrik Negara ini berkuasa menempatkan tiang letriknya dimana-mana tempat juga, kalau ini terjatuh di dalam kawasan-kawasan yang dipunyai oleh pihak orang lain, maka berkuasa mereka menempatkan tiang mereka ini di dalam kawasan ataupun di atas tanah yang dipunyai oleh pihak orang lain. Tetapi kalaulah pihak orang ini, tuan tanah ini ingin menggunakan tanah ini dan meminta kepada pihak Lembaga Letrik Negara supaya mengubah tiang yang dipacak oleh Lembaga Letrik Negara ini, maka tuan tanah itu dikenakan bayaran sebanyak \$260 untuk

mengubah tiang yang dipasang di dalam tanahnya tanpa kebenaran daripada dirinya kepada tempat yang lain.

Untuk memasang di dalam tanahnya tidak dipaksa pihak Lembaga ini meminta kebenaran daripada tuan tanah, tetapi kalau tuan tanah ingin menggunakan tempatnya ialah yang belanja mengubah tiang letrik ini. Kadang-kadang tuan rumah terpaksa mengubah main switch bagi bekalan letrik ini dan kalau ini terpaksa dibuat, maka tuan rumah juga walaupun ini dibuat dengan arahan oleh Lembaga Letrik Negara sendiri, tuan rumah juga mesti membayar sebanyak \$33. Semuanya keuntungan pergi kepada Lembaga Letrik Negara dan orang ramai, rakyat tidak ada hak sama sekali, tidak ada hak menentang ataupun meminta supaya dikecualikan daripada bayaran ini. Saya percaya bahawa pegawai-pegawai di dalam Lembaga ini sebenarnya menjalankan tugas mereka mengikut undang-undang, dan mereka begitu sekali bertanggungjawab supaya orang ramai terpelihara daripada bahanya penggunaan kuasa letrik ini.

Kita tahu kalaulah dawai-dawai yang digunakan ini tidak sesuai mungkin ini akan mendatangkan bahaya kepada orang ramai.

Tiap-tiap kali pihak Lembaga Letrik Negara mengambil alih daripada pihak swasta beberapa jentera letrik, mereka memaksa supaya wayar-wayar yang baru ditukarkan dan tiap-tiap kali mereka memaksa ini", maka perbelanjaan ini terpaksalah di tanggung oleh tuan rumah sendiri. Umpamanya, di Alor Star apabila pihak Huttenbach yang dahulu membekal letrik kepada pekan Alor Star terpaksa menyerahkan usaha ini kepada pihak Lembaga Letrik Negara satu daripada syarat-syarat yang dikenakan kepada tuan rumah-tuan rumah di Alor Star ialah mereka mesti mengadakan wiring yang baru supaya sesuai dengan kehendak-kehendak Lembaga Letrik Negara. Dan wiring yang baru ini menggunakan belanja yang banyak. Pihak Kerajaan sahaja kena membayar beribu-ribu ringgit untuk mengadakan wiring yang baru kepada rumah-rumah kepunyaan Kerajaan sendiri dan ini mendatangkan keuntungan yang begitu banyak kepada kontraktor-kontraktor letrik yang datang begitu banyak ke Alor Star oleh kerana pihak Lembaga Letrik Negara telahpun mengambil-alih usaha yang dijalankan dahulunya oleh pihak swasta iaitu pihak Huttenbach.

Dengan diambil-alih Huttenbach ini oleh pihak Lembaga Letrik Negara di Alor Star, maka banyaklah kontraktor-kontraktor letrik yang telah dapat pendapatan yang lumayan telahpun menjadi kaya. Malangnya sungguhpun usaha ini mendatangkan keuntungan yang banyak kepada kontraktor-kontraktor dan sungguhpun menjadi dasar kepada Kerajaan kita bahawa kedudukan perniagaan di dalam negara kita ini menjadi seimbang antara satu kaum dengan satu kaum yang lain, di Alor Star khasnya terdapat cuma satu sahaja kontraktor Melayu ataupun bumiputra yang mendapat lesen daripada Lembaga Letrik Negara. Lembaga Letrik Negara ini berkuasa untuk memberi lesen kepada kontraktor-kontraktor dan tidak ada kontraktor yang boleh menjalankan usaha membuat wiring dan sebagainya, melainkan mendapat lesen daripada pihak Lembaga Letrik Negara.

Di dalam pekan Alor Star yang begitu besar yang mana berkehendakkan begitu banyak kontraktor-kontraktor letrik cuma seorang sahaja ada kontraktor bumiputra. Keadaan yang semacam ini mungkin terjadi bukan dengan sengaja, tetapi saya meminta supaya Menteri yang berkenaan mengambil perhatian tentang perkara ini. Kalau kita ingin supaya kedudukan ekonomi antara bumiputra dan bukan bumiputra menjadi seimbang adalah mustahak kita mendapat lebih banyak kontraktor-kontraktor letrik terdiri daripada orang-orang bumiputra.

Pada masa sekarang ini sudahpun ada permohonan daripada seorang dua kontraktor letrik bumiputra dan permohonan ini telahpun dilangsungkan selama setahun lebih, tetapi belum juga dapat kelulusan daripada pihak Lembaga Letrik Negara. Lembaga Letrik Negara berkehendakkan kepada bermacam-macam alatan dan pihak mereka ini yang memohon telahpun menyediakan alatan-aitan ini, tetapi malangnya sehingga sekarang mereka tidak juga dapat menjadi kontraktor yang bertauliah daripada Lembaga Letrik Negara. Saya berharap keadaan yang semacam ini dapat diambil perhatian oleh pihak Yang Berhormat Menteri, kerana kalau kita ingin kedudukan ekonomi bumiputra dan bukan bumiputra menjadi seimbang badan-badan berkanun yang dikuasai oleh Kerajaanlah mengambil peranan yang penting di dalam usaha ini.

Tuan Yang Dipertua, berkenaan dengan sub-station tadi, satu daripada sungutan yang kita dengar daripada pihak-pihak yang membuat bangunan-bangunan ialah tiap-tiap kali pihak Lembaga Letrik ini memaksa mereka ini mengadakan tempat untuk sub-station mereka, maka sub-station itu sebenarnya dibuat bukan untuk bangunan itu sahaja, tetapi untuk bangunan-bangunan yang lain. Bermaknalah orang yang membuat bangunan itu terpaksa menderma kepada bangunan-bangunan yang ada di sekelilingnya iaitu kalau cuma berkehendakkan kepada jentera yang kecil sahaja untuk bangunan itu, pihak Lembaga Letrik Negara ini meminta supaya boleh ditempatkan jentera yang lebih besar supaya jentera itu dapat memberi bekalan letrik kepada bangunan-bangunan yang ada di sekelilingnya. Sebaliknya bangunan-bangunan yang lain itu tidak dipaksa membayar kepada orang yang membuat beanaan yang pertama. Keadaan ini tidaklah patut kepada orang yang membuat bangunan yang penama ini. Sepatutnya kalau daripada transformer ataupun sub-station yang ada ditempat bangunan ini digunakan oleh bangunan-bangunan yang lain, maka bangunan-bangunan yang lain, juga patut membayar kepada Lembaga Letrik ataupun kepada tuan punya bangunan yang pertama sebanyak mana kegunaan letrik yang digunakan oleh mereka.

Sekarang ini di Alor Star satu bangunan baru akan dibina untuk peniaga-peniaga yang miskin, peniaga-peniaga bumiputra yang miskin di Alor Star. Bangunan ini yang dicadangkan ialah bangunan Pekan Rabu untuk peniaga-peniaga kecil yang ada di Alor Star sekarang ini. Bangunan ini didirikan di atas satu tanah Kerajaan yang diperuntukkan khas untuk bangunan ini. Tanah ini tidaklah begitu luas dan setakat lapangan yang ada di dalam bangunan ini cuma mencukupi untuk peniaga-peniaga yang ada disitu sahaja, tidak ada tempat yang lebih untuk peniaga-peniaga yang him Tetapi sekarang telahpun disebutkan iaitu kalau bangunan ini ingin didirikan oleh pihak mana-mana kalau pihak Lembaga Letrik Negara tidak diberikan tempat untuk satu sub-station, maka bangunan ini tidak akan diberi letrik sama sekali. ini adalah ancaman terhadap satu perusahaan yang cuma akan menguntungkan segulungan kecil daripada peniaga-peniaga bumiputera. kalau mereka ini terpaksa membebi kawasan untuk sub-station bagi Lembaga Lerik Negara ini mereka dan dipaksa membayar sewa yang

lebih dan tidak ada tempat yang mencukupi. Sikap yang semacam ini saya percaya tidaklah sesuai dengan kehendak Kerajaan sendiri, kehendak Menteri sendiri, kerana saya percaya bahawa Kerajaan kita tidak ingin menggunakan undang-undang yang lata gubalkan sekarang ini untuk memaksa rakyat membayar dengan lebih banyak untuk peruntukan letrik ini.

Tuan Yang Dipertua, undang-undang ini dibentok supaya dapat Lembaga Letrik Negara ini memasuki di dalam bidang-bidang membuat bermacam-macam alatan letrik. Saya harap pihak Lembaga Letrik ini dalam mengambii bahagian di dalam perusahaan ini tidaklah menjalankan usaha supaya mereka menjadi pihak monopoli yang mereka sahaja boleh mengeluarkan alat-alat ini, dan selepas mereka mendapat monopoli ini, mereka akan mengenakan kepada orang ramai harga yang lebih tinggi daripada sekarang. Kerana mereka mendapat monopoli mungkin mereka dapat memaksa rakyat membeli daripada mereka walaupun apa sahaja harga yang ditetapkan oleh mereka. Saya percaya ini bukan tujuan Kerajaan. Tujuan Kerajaan ialah menolong rakyat, kalau boleh mengurangkan harga benda-benda ini untuk kebaikan rakyat, tetapi mungkin pegawai-pegawai di dalam Lembaga Letrik Negara berpendapat bahawa oleh kerana mereka sekarang mendapat monopoli dan mereka pula menjadi sebahagian daripada Kerajaan, mereka dapat menetapkan harga apa sahaja yang mana pihak orang ramai tidak dapat menolak, kerana pihak orang ramai tidak lagi boleh membeli daripada pihak-pihak yang lain; ini telahpun menjadi monopoli kepada Lembaga Letrik Negara. Pendapat yang semacam ini patutlah dicegah daripada masa sekarang juga. Kita meminta kepada Yang Berhormat Menteri supaya memperingatkan kepada pegawai-pegawai bahawa tujuan kita meluluskan undang-undang ini bukanlah sebenarnya untuk menekan rakyat, tetapi sebenarnya untuk mengurangkan perbelanjaan rakyat untuk mendapatkan bekalan letrik.

Tuan Yang Dipertua. Yang Berhormat Menteri adi menerangkan bahawa pihak Menteri sendiri dapat menentukan tentang tangga-tangga gaji dan kenaikan-kenaikan gaji pekerja-pekerja di dalam Lembaga Letrik ini. Saya percaya baru-baru ini pihak Harun Comiossion telahpun membuat

laporan tentang tangga gaji bagi pegawai-pegawai di dalam Badan-badan Berkanun dan Lembaga" Letrik .Negara ialah satu daripada badan-badan berkanun ini. sudah tentu tangga gaji pekerja-pekerja di dalam Lembaga Letrik Negara ini akan berpandu kepada laporan yang telah dibuakan oleh Suruhanjaya Harun ini.

Saya berpendapat bahawa orang-orang yang bergaji tinggi tidaklah berkehendakkan kepada sokongan daripada Ahli-ahli Dewan Negara ataupun Dewan Rakyat, tetapi saya berpendapat bahawa orang-orang yang bergaji kecil ini, orang-orang daripada tingkatan-tingkatan yang rendah, yang gajinya kurang daripada \$200.00 ataupun kurang daripada 5300.00 adalah orang-orang yang menderita oleh kerana kenaikan harga barang dan lain-lain services yang ada di dalam negara kita ini, termasuklah di kalangan orang-orang ini pekerja-pekerja Lembaga Letrik Negara ini sendiri. Kebanyakan daripada pekerja-pekerja ini adalah pekerja-pekerja buruh yang mendapat gaji yang tidak tinggi. Mereka ini patut diberi pertimbangan istimewa oleh Yang Berhormat Menteri Kedudukan mereka ini mestilah dipertimbangkan secepat mungkin.

Laporan Harun ini telahpun disediakan dan telahpun diserahkan kepada Kerajaan, tetapi sehingga sekarang belumlah ada keputusan tentang samada laporan ini akan dijalankan ataupun tidak oleh pihak Kerajaan, tetapi berkenaan dengan pekerja-pekerja yang gaji kecil ini, saya minta kepada Yang Berhormat Menteri oleh kerana Undang-undang ini memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri, maka perkara ini dapat dipertimbangkan oleh Yang Berhormat Menteri dengan secepat mungkin, kerana di dalam keadaan kenaikan harga ini, keadaan kehidupan mereka yang mendapat gaji kecil ini telahpun menjadi begitu pahit sekali. Dari itu, saya berharaplah dengan adanya Undang-undang ini yang memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri, maka perkara ini dapat diambil perhatian oleh pihak Yang Berhormat Menteri.

Akhirnya, saya mengalu-alukan usaha Kerajaan yang merupakan satu usaha ke arah sosialisma yang sebenarnya yang mana satu perusahaan yang begitu penting sekali bagi rakyat telahpun diambil alih oleh Kerajaan dan saya berharap dengan adanya Undang-undang ini, maka rakyat akan mendapat satu perkhidmatan yang lebih sesuai dan lebih menguntungkan daripada masa-masa yang lepas.

Datuk Nik Hassan in Haji Nk Yahya: Tuan Yang Dipertua, saya menyokong pindaan Rang Undang-undang ini dan suka memberi sedikit pen dapat saya di atas Rang Undang-undang ini.

Lembaga Letrik Negara ini ialah sebuah Lembaga yang terbesar, yang mempunyai tenaga pekerja, modal dan usaha yang sangat besar dalam negara kita ini. Kerajaan telah memberi bantuan wang dan Lembaga ini telah mendapat pinjaman-pinjaman daripada dunia luar untuk menjalankan usaha yang besar ini.

Daripada perhatian saya dalam Lembaga yang dicadangkan ini cuma disebutkan di sini seorang Pengerusi dan seorang Timbalan Pengerusi dan tidak kurang daripada 5 orang ataupun tidak lebih daripada 10 orang yang akan menjadi ahli Lembaga ini. Kalau tidak kurang daripada 5 orang bermakna kalaulah ditubuhkan Lembaga ini dengan 5 orang, dengan seorang Pengerusi, dengan seorang Timbalan Pengerusi, bermakna 7 orang sahaja ahli yang akan mentadbirkan sebuah perbadanan yang begini besar dalam negara kita. Saya khuatir dengan bilangan ahli yang sebegini kecil akan menimbulkan perkara-perkara yang boleh menyebabkan perjalanan Lembaga ini kepada jalan yang tidak memberi puas hati Kerajaan dan juga rakyat. Saya rasa perlu kita banyakkkan tenaga ahli dalam Lembaga ini supaya tidaklah Lembaga ini dapat dipergunakan oleh golongan-golongan yang mencari keuntungan diri.

Saya menyokong Rang Undang-undang ini dalam menahan ahli Lembaga ini daripada memiliki saham, syer ataupun dibenture di dalam mana-mana syarikat, dalam atau luar negeri yang ada kaitan dengan letrik, tetapi dalam syarat ini ada disebutkan syarat pula, iaitu saham-saham yang telah dimiliki dengan sah itu tidak boleh dijual ataupun ditolak. Kalau ahli itu, yang masih ada memegang, menjadi ahli atau pun dilantik semula menjadi ahli maka ahli itu sekiranya mereka ini mempunyai saham yang sah maka Undang-undang ini tidak melarang mereka itu daripada memegang saham itu. Bermaknalah pada pengertian saya orang ini ada terlibat juga dengan syarikat-syarikat letrik kiranya ada ahli-ahli Lembaga ini memegang saham yang ada pada masa ini. Pada saya, adakah Ahli Lembaga sekarang ini banyak memegang saham dalam syarikat-syarikat letrik dalam ataupun luar negeri di negara kita ini? Tetapi

oleh Kerajaan yang patut dibeli oleh Lembaga Letrik Negara. Jadi barulah kita boleh dapat tahu tidaklah satu orang atau dua orang yang menentukan pembelian satu jentra yang besar-besar bagi maksud Lembaga Letrik Negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, perkara yang saya cakapkan ini bukanlah maksud saya buat satu tuduhan yang menyatakan ada benda yang berlaku tak baik dalam Lembaga Letrik Negara itu—tidak. Apa yang saya katakan ini ialah bagi mengingatkan cara kerja dan kaedah-kaedah untuk membersihkan, untuk menghapuskan perkataan-perkataan, percakapan-percakapan umum berkenaan dengan cara kerja Lembaga Letrik Negara ini.

Selain daripada itu, saya suka memberi tahniah kepada Lembaga Letrik Negara ini apa yang dia buat bagus, yang baik yang patut dipuji iaitu usaha Lembaga Letrik Negara mengeluarkan biasiswa-biasiswa dengan banyaknya di masa-masa yang akhir ini. Saya pernah tengok akhbar-akhbar menawarkan biasiswa-biasiswa ini kepada seluruh rakyat dengan banyaknya dan mereka yang tidak dapat mengambil biasiswa itu boleh pula diberikan biasiswa dengan cara pinjaman dan sebagainya. Ini satu usaha yang baik daripada satu perbadanan ataupun Lembaga yang begini besar sangatlah dijunjung tinggi usaha yang sebegini besar dan baik bagi rakyat di negara kita ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang Dipertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan. Disamping itu juga saya menyokong penuh usaha-usaha yang dialu-alukan oleh Yang Berhormat Dr. Mahathir tadi dan disamping itu, sukalah saya menambah satu dua lagi yang agak pendapat saya patut diperbaiki lagi oleh Lembaga Letrik Negara.

Sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi kita tak boleh nafi yang mana Lembaga Letrik Negara ini adalah satu Lembaga yang memandangkan keuntungan yang terlampau lebih daripada kejayaan terutamanya kepada rakyat di luar bandar. Sebab saya berkata begitu, dan saya berharap kepada Menteri yang berkenaan Negeri Perlis yang kita sama-sama tahu adalah satu negeri yang cukup kecil dalam Malaysia Barat baikpun Malaysia Timur yang

luasnya 310 batu ataupun 3.16 batu perscgi. Di mana sahaja kita pergi hari ini, apatah lagi dalam dailog dengan ketua-ketua pejabat dan sebagainya maka perkara letriklah satu perkara yang tetap dibangkitkan oleh perjumpaan-perjumpaan itu. Maka saya berasa kasihan kepada Yang Berhormat Wakil-wakil Rakyat yang berkenaan yang terpaksa menjawab berbagai-bagai dan kadang-kadang mendapat jaminan daripada Lembaga Letrik Negara misalnya satu kawasan akan diadakan pada tahun 1971, tetapi malangnya sampai tahun 1973 perkara itu tak dapat dilaksanakan lagi. Saya-berharap satu perkara daliulu kepada Menteri yang berkenaan memandang kepada Negeri Perlis yang terlampau kecil patutlah kawasan-kawasan yang diminta itu patut diadakan. Saya dapati setengah-setengah tempat macam negeri-negeri yang luas boleh dikatakan sebuah rumah dengan sebuah rumah yang lain amatlah jauh perbezaannya. Ada di antara satu rumah dengan satu rumah sampai satu batu itupun ada letrik, tetapi memandang kepada Negeri Perlis yang kecil walaupun penduduknya tak banyak tetapi kalau ditinjau dari segi peratus keluasan Negeri Perlis maka penduduknya banyak, dengan sebab itu tak adalah sangat satu rumah yang jauh ataupun yang jarang lebih daripada 3 relong atau 4 relong. Saya berharap sekali lagi kepada Menteri yang berkenaan segala permohonan-permohonan patut ditimbang, janganlah berlaku macammana kata Yang Berhormat Dr Mahathir tadi setengah-setengah tempat dipandang dari segi keuntungan perniagaan sahaja maka tempat itu diutamakan terlebih dahulu.

Tuan Yang Dipertua, setahu saya, dalam Lembaga Letrik Negara juga telah diambil hasil daripada apa yang diberi kepada penduduk-penduduk ataupun pengguna-pengguna letrik macammana Kerajaan telah mengambil tanah untuk buat jalan dan sebagainya. Kalau Kerajaan yang mana di dalam jagaan Menteri yang berkenaan juga boleh membayar wang kepada tuan-tuan tanah atau kepada tuan-tuan pokok yang diambil untuk dijadikan jalanraya maka pendapat saya taklah menjadi kesalahan kalau dalam jalanraya boleh diambil ataupun dibayar harga tanah kepada tuan-tuan tanah dan juga tuan-tuan pokok maka patutlah sangat jika dibayar kepada tanah ataupun harga pokok yang akan dilalui oleh jalan-jalan letrik kerana salah satu sebab kadang-kadang yang menjadi kelewatan orang yang tidak berkenaan dengan api tetapi

kalaulah ada, saya rasa, dengan syarat, dengan satu fasal lain yang kita sebutkan di sini, Lembaga Letrik ini diberi kuasa untuk berniaga, untuk mengambil alih syarikat-syarikat Iclrik, untuk membuat perniagaan dengan syarikat-syarikat letrik, ini adalah satu peluang pula bagi Lembaga ini menjalankan perniagaan manakala ahli yang ada di dalam Lembaga itu mempunyai saham yang tidak mesti dijual, mesti boleh, masih bolch dimiliki dan dia menjadi ahli saham di dalam satu-satu syarikat Lembaga Letrik yang lain. Ini adalah satu perkara yang boleh melibatkan Lembaga Letrik ini dalam satu masalah perniagaan ataupun berunding berniaga dan sebagainya. Dan saya rasa, ini perlu dikaji balik. Kalau sekiranya kita hendak membersihkan ahli-ahli Lembaga Letrik Negara ini daripada tuduhan-tuduhan, daripada toman-toman yang menyatakan ada di antara mereka ini yang cuba hendak menjalankan perniagaan dengan menggunakan jawatannya sebagai ahli Lembaga mencari peluang-peluang perniagaan yang lebih besar bagi kepentingan dirinya. Saya rasa, kalau kita hendak membersihkan ahli-ahli Lembaga yang ada itu atau ahli yang akan dilantik semula itu, maka kita mesli bcrsih terus dengan tidak ada syarat langsung. Kalau mereka ini mempunyai saham yang telah ada, maka kita minta supaya mereka ini menjualkan saham itu, barangkali ramai orang yang hendak membeli saham itu, jualkan, jangan libatkan. Kalau mereka mahu menjadi ahli Lembaga, tidak mahu menjual saham maka mereka terpaksa berhenti dan memegang saham yang mereka ada ilu. Ini adil kerana kita tidak mahu dalam satu-satu badan yang besar macam ini boleh melibatkan banyak masalah-masalah yang tidak baik, yang bolch menimbulkan perkara yang buruk di kalangan rakyat kita ini.

Ini pada pengertian saya supaya kila senang. Kalau kila kala ahli Lembaga Letrik tidak ada syarikat, lidak diberi kebenaran langsung memegang apa-apa saham dalam mana-mana syarikat letrik kcrana syarikat letrik itu ada kaitannya dengan Lembaga Letrik, jadi senang. Kalau siapa yang ada, dengan cara rahsia atau tidak rahsia maka senanglah pihak pencegah rasuah ini boleh selalu langkap dia. Dia ini ada saham, dengan cara rahsia boleh ditangkap terus. Jadi tidak payah dipriksa ini sahamnya telah ada, telah lama sebelum Akta ini bcrjalan, sebelum undang-undang ini diluluskan oleh Kerajaan

telah memang ada yang sah pada segi undang-undang. Maka yang sah pada segi undang-undang itu tentulah boleh dibuat. sebab saham ilu boleh dibeli dan boleh diaturkan dengan syarikat-syarikat yang ada mempunyai saham ilu. Jadi inilah saya rasa lebih baik Kerajaan apabila meluluskan undang-undang ini kaji balck supaya kila bersihkan Lembaga kita ini.

Selain daripada ilu saya suka juga dalam masaalah ini kita mengingatkan kepada Lembaga Letrik Negara kita ini supaya jangan timbul lagi desas-desus di luar menyalakan ada orang yang boleh membuat wang dengan Lembaga Letrik Negara membeli jentera yang besar-besar di" luar negeri umpamanya boleh menimbulkan tohmah-tohmah yang tidak baik di kalangan rakyat. boleh diperkatakan perkara-perkara yang tk baik scmacam ilu. Kalau sekiranya berniaga Letrik Negara ini hendak benar-benar menjadi satu badan yang bersih, yang baik dalam cara kerjanya maka hendaklah kalau bolch Lembaga Letrik: Negara ini keluarkan tender umpamanya ke scluruh dunia kalau hendak beli jcntera yang besar-besar dan hendaklah disclidiki jangan sangat kita bergantung kepada pakar jentera yang ada dalam Lembaga Letrik Negara itu sebab kadang-kadang pakar itu memberi nasihal supaya scnang dibelikan jentera yang lak berguna umpamanya. jadi inipun satu masaalah juga.

Kalau saya jadi pakar di Lembaga Letrik Negara umpamanya, saya pakar dalam engineer Iclrik, tetapi ada banyak lagi pakar-pakarnya dalam syarikat-syarikat engineer letrik yang lain, kalau jcntera saya rasa lak tahulah. Semua orang ahli pakar, kalau jentera yang dibuat di Italy umpamanya dia ada pakar yang membuat jentera, ada ke-Icbihannya, ada kekurangannya tetapi kalau yang dibuat di England umpamanya ada yang baik, ada yang buruk, di Jerman begitu juga maka terhentilah kepada Lembaga ~~lik~~ Negara untuk menentukan mana jentera yang baik yang hendak dibelinya. Kalau berhenti kepada Lembaga Letrik Negara. maka pakar yang ada dalam Lembaga Letrik Negara, itu-lah yang menentukan mana jentera yang patut dibeli. Kalau kila hendak mcngelakkan "daripada. tohmah, tuduhan dan sebagainya patut kita adakan satu panel, umpamanya panel yang menecntukan jentera yang berharga ber-million-million itu satu panel menentukan panel pakar-pakar yang menenfukan mana jentera letrik yang besar yang patut dipakar

malangnya tanah-tanah atau pokoknya kerana dipotong disebabkan hendak lalu dawai letrik dan sebagainya maka sebab itu membawa satu kelambatan sedangkan letrik mendapat basil daripada letrik. Maka saya berharaplah pihak Lembaga Letrik Negara memberi pertimbangan apatah lagi tempat yang lalu sampai berkali-kali sedangkan di bawah bangunan letrik tak boleh digunakan bangunan dan sebagainya.

Dan juga di Perlis ini agak saya sebuah negeri yang kecil adalah pegawai-pegawai khas yang dikhaskan dalam Negeri Perlis sebagai Menteri Besar, Exco dan sebagainya tetapi ada di antara pegawai-pegawai yang di ambil ataupun dicabangkan ke negeri-negeri yang lain terutama negeri yang berhampiran dengan Negeri Kedah. Saya tidaklah hendak membanggakan ataupun hendak minta mesti semua di Perlis asingkan daripada Kedah tetapi ini adalah satu sebab yang membawa kelambatan macam pelajaran di masa yang lepas tetapi hari ini tetap pelajaran Perlis sebagai Ketua Pegawai Kerajaan Perlis.

Setahu saya pegawai khas untuk menjaga letrik di Perlis ini tak ada. Dengan sebab itulah kadang-kadang bila satu-satu letrik jadi kecelaan atau kerosakan membawa sampai berjam-jam dan kadang-kadang juga letrik-letrik yang digunakan di Perlis yang begitu kecil apinyatak begitu cukup sehingga membawa cahaya dalam talivisyen yang akan ditengok oleh penuntun-penuntun tidak begitu terang. Saya berharap kepada pihak Menteri yang berkenaan tolonglah ambil ingatan tentang negeri Perlis walaupun negeri yang saya sebut tadi sebuah negeri yang tempat saya duduk itu terlampau kecil.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang Dipertua, dalam masa membahaskan Rang Undang-undang ini saya tidak dapat lari daripada mengakui bahawa sanya tugas yang dijalankan oleh L.L.N, pada masa ini adalah satu tugas yang berat dan patut diberi penghormatan. Walaupun begitu pendirian saya daripada Dewan Rakyat hingga ke Dewan ini sendiri, saya terpaksa mengambil bahagian bercakap dalam sebarang Bill atau Rang Undang-undang mengenai letrik kerana pada hemmat saya, tenaga letrik adalah amat mustahak bagi kehidupan manusia.

Usaha yang dijalankan oleh L.L.N, ini kita akui tetapi apa yang kita mahu usaha itu melebihi daripada apa yang kita kehendaki. sesuai dengan kehendak dan pembangunan negara kita. Itulah pokok yang jadi perhitungan sekarang. Jikalau L.L.N, dapat mengatasi masalah ini mendahului daripada rancangan yang dirancangkan, saya fikir L.L.N, tidak ada apa. saiahnya atau kurang elok. Sekarang ini L.L.N, berialan atas landasannya mengikut jam yang dicatu padanya. Umpamanya. satu contoh. Bekalan api letrik ke Pantai Timur terutama Kuantan mesti siap pada tahun 1974. Jadi kalau belum tiba tahun 1974 itu maka usaha hanya dijalan mengikut jaduai, ini bermakna dalam perkara dalam rundingan dan masanya pun tidak sampai lagi kepada tahun 1974. Apa yang saya maksudkan dengan tertubuhnya perbadanan ini ialah mengatasi jangka yang ditetapkan kepadanya. Kemampuan L.L.N, tidak dapat dinafikan, tenaganya kuat, keanggotaannya cukup tidak cacat, pengaruh banyak dan kewangan pun tegap. Jadi apa yang kita kehendaki bahawa L.L.N, mestilah berjalan iebih daripada jangka yang dimaksudkan. Kalau ini dapat diatasi oleh L.L.N., saya fikir rakyat dalam negeri ini bukan sahaja menghargai, tetapi mengingati L.L.N, sebagai seorang sahabat. Kita tidak dapat nafikan kerana di zaman moden ini letrik sudah menguasai manusia. Api letrik memperhitungkan otak manusia, letrik mendekatkan perhubungan manusia. Pendeknya tugas yang dijalankan atau peranan yang diambil oleh letrik diakui oleh dunia bahawa peranannya terlampau rapat dengan kehidupan manusia seluruhnya. Sekarang ini, pada hemmat saya Lembaga Letrik ini mestilah sekali sekala dikaji satu dua tahun dibaharui (review) kajian adakah perjalanan kita sekarang ini mengikut schedule atau boleh kita lagi berjalan lebih daripada catuan yang diberi kepada kita sebab dalam zaman negeri yang sudah merdeka, rakyat yang sudah bebas, mereka memohon banyak kemudahan dan satu kemudahan yang patut ada kepada rakyat dalam negeri yang sudah merdeka ialah kemudahan menggunakan api letrik. Tugas L.L.N, dan tugas yang berkaitan dengan L.L.N, ini hidup berkembang mengikut perkembangan rakyat dan perkembangan kemahuan negara.

Baru sebentar tadi Ahli Yang Berhormat dari Perlis mengatakan bahawa sanya talivisyen di Perlis apinya tidak begitu terang.

Barangkali ada pula rakyat dalam negeri lain seperti petang semalam kampung yang dekat dari Bandaraya Kuala Lumpur tidak dimasuki oleh api letrik. Jangan kata yang jauh, yang dekat sendiri pun sekarang ini tidak masuk dan tiap-tiap rakyat dalam negeri ini akan berkata bahawa Lembaga Letrik Negara mencari untung sahaja, memberi keuntungannya itu tidak setimbang dengan pendapatannya. Saya syorkan kepada Kerajaan tiap-tiap dua tahun sekali mesti review balik apa kerja yang dijalankan oleh L.L.N., bukan mengkaji kerja yang dibuat tetapi mengkaji rancangan yang diperlukan mengikut kemahuan rakyat. Walaupun saya kata "tadi saya sendiri ada kalanya marah kepada L.L.N., ini, tetapi pada hakikat hati saya, saya banyak terima kasih. Kemarahan yang selalu dikeluarkan itu ialah marah bapa kepada anak supaya ia lebih baik tabiatnya, keadaannya, kemajuannya pada masa akan datang.

Yang kedua, saya hendak cakap banyak perkara lagi yang patut ditimbangan dalam masa melaksanakan. Umpamanya, papan switch board yang empat persegi, satu kaki atau 10 inci lebarnya yang ada terletak di tepi rumah kita, pada papan itulah diletakkan switch. Jikalau saya tidak silap diberitahu, papan ini papan teak, yang harganya mahal yang dibawa daripada Siam berharga \$2,000 satu tan, Mengapakah kita beli papan ini sedangkan negeri kita berkemampuan mengeluarkan papan yang baik. Cengal boleh melawan teak dari Siam itu kalau saya tidak silap dan kalau saya tersilap, saya minta Yang Berhormat Menteri membetulkan. Mengapakah kita beli papan teak daripada luar? Daripada Burma atau Siam. Tidak adakah papan yang seimbang umurnya, teguhnya dengan papan jenis-jenis teak daripada kayu yang ada di negeri kita ini, sedangkan sebuah rumah boleh diganti baru. Mengapakah kita menghendaki papan teak itu dari jenis kayu luar negeri?

Yang ketiga, tiang lerik sekarang ini kebanyakannya digunakan Kempas. Mengapa kita orderkan Kempas dari Kuala Lumpur sedangkan Jengka oleh keluaran Kempas begitu banyak Ibam oleh keluaran Kempas begitu banyak malahan sekarang ini Terengganu boleh keluaran Kempas begitu banyak. Mengapa tak diberi kepada pemeroes memotong kayu untuk memotong Kempas ini kita janganlah berharap kepada kompeni-kompeni syarikat-syarikat

di Ibu Kota. Kita keluarkan Kempas kita sendiri. Kita beli log. Kita potong kayu itu untuk kegunaan L.L.N., sendiri.

Sekarang ini semua kontrek menanam tiang letrik akan berakhir pada bulan Ogos. Pada bulan Ogos ini dibahagilah, kadang-kadang berlapis-lapis tiga kali lapis pula kepada satu kontrek. Jadi kontrek sangat sakit hendak menyiapkan dalam tempoh tiga empat bulan. Tetapi sebelum bulan Ogos kontrek menanam tiang masih belum dikeluarkan. Ini adalah kata punca yang diberitahu kepada saya. Tetapi tentulah pihak Menteri sendiri lebih tahu dalam masaalah ini. Kalau perkara ini benar, perkara ini diatasi.

Saya sedar kedudukan atas perkara ini, tetapi saya cuma hendak merayu kepada pihak L.L.N., dalam kita membuat sesuatu projek, kita masih mengharapkan tunggakan daripada Kerajaan Negeri sebanyak 1/3, Kerajaan Pusat 1/3 dan L.L.N., sendiri 1/3. Dengan ada persamaan persetujuan ini polisi itu dijalankan. Mengapakah kita tak boleh ubah, sedangkan perkara ini menguntungkan kepada L.L.N., sendiri. Oleh itu L.L.N. mestilah mengubah polisinya kepada commercial. Mengapakah masih mahu tunggakan lagi daripada Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan L.L.N., sendiri, ertinya kalau tak ada tunggakan 1/3 daripada Kerajaan Negeri, 1/3 daripada Kerajaan Pusat, maka L.L.N. tidak bersedia hendak merancang sesuatu projek itu. Itulah yang saya minta diubahkan. Saya tidak mahu bercakap dalam masaalah yang ada dihadapan saya sekarang ini. sebab saya takut bersikap prejudis. Tetapi boiehlah saya memberikan gambaran am bahawa Negeri-negeri di Pantai Timur sedang membangun seperti Pahang, Trengganu dan Kelantan. Dan Negeri-negeri inilah pada zaman dahulu amat ketinggalan, tetapi pada masa ini pembangunan sedang pesat dijalankan. Dengan tertubuhnya beberapa tempat kawasan perusahaan samaada di Kelantan. Trengganu atau di Pahang. semua berkehendakkan tenaga letrik untuk dijual kepada industri-industri supaya mananam modal membangunkan industri dalam kawasan-kawasan yang saya sebutkan. Kalau sekiranya kemudahan asas itu tidak ada bagaimanakah pengusaha-pengusaha mahu memnangunkan perusahaannya di dalam kawasan yang ditetapkan mengikut Dasar Ekonomi Baru yang etengah daripada kawasan itu telahpun menjadi kawasan perusahaan sedangkan api letrik

bukan sahaja tak cukup malah di setengah tempat tidak ada bekalan langsung. Tidakkah ini berlawanan antara wujudnya L.L.N. dengan perintah atau kehendak Kerajaan sendiri?

Dalam hal ini, saya cuma menyalurkan suara rakyat, umpamanya pembukaan perusahaan dan sebagainya mesti memerlukan tenaga gergasi L.L.N. itu. Dan kalau sekiranya masih berkehendakkan tunggakan daripada Kerajaan Negeri 1/3, Kerajaan Pusat 1/3 baharulah L.L.N. bersedia, raaka itu adalah satu syarat atau kata dua. Apa yang saya nyatakan perlu dipertimbangkan oleh Kerajaan, pada setengah-setengah bahagian perkara ini mesti diperbuat oleh L.L.N. sendiri iaitu untuk menyahut persamaan dan perkembangan ekonomi yang ada dalam negara kita ini. Saya tidak menuduh bahawa L.L.N. tidak mengikuti kemajuan, tetapi apa yang saya kehendaki supaya lebih daripada jangka waktu dan had yang patut dia berjalan. Ini yang dikehendaki. Selain daripada perusahaan yang telah ditimbulkan tadi, kehendak rakyat setelah negeri ini merdeka, rakyat hendak merasai nikmat hidup dan kemudahan sosial sehari-hari, lebih-lebih lagi letrik ini adalah suatu alat yang paling hampir dengan kehidupan manusia. Tentulah tiap-tiap benda yang paling hampir dengan kehidupan manusia. barang itu sangat diperlukan terutama pada masa sekarang. Lainlah soalnya kalau sekiranya pada zaman kita dafaulu sebab kemajuan di negara kita sekarang ini sudah tidak boleh diikuti oleh rakyat, bahawa kemajuan lebih cepat daripada fikiran rakyat sendiri, Kalau kemajuan lebih cepat daripada fikiran rakyat sendiri kemajuan itu mestilah kita tunjukkan, kita sediakan kepada rakyat. Inilah yang saya harap. Saya tidak akan bercakap atas perkara yang saya kata tadi yang menjadikan embarrass. serba sah dalam Dewan ini hanya saya mohon pertimbangan Kerajaan supaya L.L.N. ini bukan sahaja dapat mengikut rancangan atau program ini tetapi kalau boleh membantu lebih cepat daripada yang dikehendaki. akhirnya, saya tidak hendak menyentuh masalah yang dibangkitkan oleh sahabat saya tadi hanya saya bercakap bahawa ahli Lembaga ini adalah yang kebiasaannya akan mengelolakan satu-satu rancangan atau meluluskan satu-satu projek. Maka ahli Lembaga inilah yang hendak kita pilih bahawa ----- ini betul-betul merupakan

keahlian dan jika sesuatu polisi kita tidak dijalankan, saya tidaklah katakan lebih, tetapi sebahagian daripada orang-orang politik patut ada dalam Lembaga itu. Sebab polisi itu dibuat dan orang yang merancang mestilah sesuai pemikirannya dengan tujuan Kerajaan. Saya tidak mahu bercakap dalam masaalah syer dalam atau luar negeri, tetapi kalau kita berkehendakkan tarian yang baik, penggesek biola itu pun mesti tahu lagu yang dimainkan. Kalau tidak akan jadilah tanah tinggi rendah dalam tarian itu dijalankan nanti.

Tuan Yang **Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditempokkan selama 20 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.20 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.40 petang.

(Tuan Yang Dipertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Datuk Mansor bin Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya juga bangun sebagai menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sekejap tadi supaya diluluskan.

Di samping itu, saya suka untuk mengambil bahagian untuk memberi sedikit pandangan berhubung dengan perkembangan ataupun usaha-usaha kemajuan yang sedang dijalankan oleh pihak Lembaga Letrik Negara pada masa sekarang. Tidak syak lagi pihak Lembaga Letrik Negara dalam masa yang telah lepas memberi khidmat yang cemerlang terhadap kemajuan ataupun perkembangan kemajuan negara kita walaupun beberapa kekurangan-kekurangan masih didapati di dalam berbagai-bagai segi.

Tuan Yang Dipertua, dalam Rang Undang-Undang ini salah satu daripada perkara-perkara yang dicadangkan iaitu berhubung dengan seksyen 5, berkaitan dengan perantaraan ahli-ahli ataupun board bagi Lembaga Letrik Negara ini. Saya berharap seboleh-bolehnyaantikan Ahli-ahli Lembaga ini eloklah dibahagi-bahagikan mengikut kawasan ataupun negeri masing-masing kerana keperluan tenaga letrik ini adalah menyeluruh. semuanya berkehendakkan supaya didahulukan daripada tempat-tempat yang lain. Kalau lantikan ahli-ahli ini dibahagi-bahagikan misalnya tiap-tiap ebuah negeri dilantik seorang mewakili kawasan itu, saya percaya

pertimbangan-pertimbangan untuk melaksanakan pembahagian tenaga letrik ini akan dapat dibahagikan dengan cara yang lebih adil daripada masa-masa yang telah lepas kerana keadaan pembangunan negara kita pada hari ini adalah perkembangan yang sangat pesat. Dalam pada itu, kita masih lagi mendapati di setengah-setengah negeri yang jauh ketinggalan daripada negeri-negeri jirannya yang Jam. Bagaimana yang telah disebutkan oleh rakan saya terdahulu tadi, terutama sekali di negeri-negeri di Pantai Timur adalah masih ketinggalan jauh dalam serba perkara.

Saya suka menyentuh berhubung dengan negeri Trengganu. Negeri Trengganu adalah sebuah negeri yang kekurangan dalam segala perkara, tetapi pada hari ini ia adalah merupakan sebuah Negeri yang sedang membangun. Usaha-usaha kemajuan yang berbagai-bagai rupa sedang pesat dijalankan untuk cuba mengejar kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh jiran-jirannya negeri-negeri lain dalam Malaysia. Maka saya bimbang mungkin dengan sebab-sebab kekurangan-kekurangan yang salah satu daripadanya ialah kekurangan tenaga letrik ini harus akan mengendalikan usaha-usaha kemajuan yang sedang dijalankan dengan pesatnya pada hari ini. Sebab kekurangan-kekurangan tenaga letrik ini adalah ketara sekali dalam negeri Trengganu. Saya bukan hendak mengatakan pancaran-pancaran Talivisyen misalnya kabur; tidak, boleh saya katakan di dalam negeri, atau Kuala Trengganu khasnya terang cahayanya, tetapi tenaga letrik memang kurang sekali. Ini adalah ketara, iaitu bukan disebabkan kekaburan pancaran Talivisyen, tetapi ialah apa yang berlaku di dalam sesebuah rumah misalnya. Kalau di tingkat atas dibuka habis semua lampu-lampu itu, kemudian dalam satu atau dua jam dibuka pula lampu yang ditingkat bawah maka tingkat bawah itu tidak beryala. Ini yang telah berlaku.

Ada setengah-setengah orang yang telah menjadi mangsa kepada pemborong-pemborong letrik sendiri, yang memberi alasan kekurangan ini katanya barangkali wayarnya yang disambungkan itu tidak cukup, kecil katanya, terpaksa ditukarkan dengan yang besar, maka ada setengahnya telah mengikut nasihat ini dan ditukarkan semua wayar-wayar letrik di rumahnya untuk mendapatkan tenaga yang cukup, tetapi hasilnya adalah serupa sahaja. Bila dibuat complain baharulah

dapat jawapan katanya kerana tenaga letrik ini kurang ataupun kuasa letrik itu kurang tidak mencukupi.

ini adalah bagi kawasan dalam bandar yang telah dapat bekalan-bekalan letrik. tetapi kawasan-kawasan yang berhampiran, yang masih lagi belum mendapat bekalan-bekalan letrik ini masih banyak. yang mana saya berharap pada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan mengambil perhatian yang berat untuk membekalkan keperluan-keperluan tenaga letrik ini dengan secukupnya dalam masa yang seberapa segera.

Tadi seorang rakan kita telah menyebut berhubung dengan keanihan kehendak-kehendak pihak Lembaga Letrik bila datang sesuatu masalah berkehendakkan tenaga yang banyak seumpama di tempat-tempat perusahaan. Saya telah pernah mendapati satu perkara yang telah berlaku iaitu berhubung dengan permohonan sebuah syarikat kilang kayu yang meminta supaya diberi kuasa letrik ini yang banyak sedikit barangkali. saya sudah lupa berapa kuasa horse powernya, maka pihak Lembaga Letrik ini berkehendakkan kawasan, tapak kerana hendak mendirikan sub-station sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Dr Mahathir tadi, tetapi yang anih yang saya hendak sebutkan di sini iaitu kawasan itu telah dibahagi dengan bersurat mengikut keluasan yang dikehendaki, tetapi pihak Lembaga menekankan iaitu tidak memadai dengan cara bersurat begini, dikehendaki terus dibahagi dengan titlenya sendiri. Sehingga dengan sebab kehendak ini telah mengendalikan pembukaan kilang tersebut, kerana tapak kilang itu sendiri adalah dipunyai oleh Kerajaan Negeri yang diberi sebagai pajakan atau lease kepada syarikat tersebut dalam satu masa yang tertentu. Jadi tentulah pihak syarikat ini tidak ada kuasa untuk memberi atau memajaknya semula kepada pihak Lembaga Letrik Negara, kecuali diserahkan balik kepada Kerajaan kawasan yang tertentu yang dikehendaki itu, kemudian Kerajaan akan mengeluarkan pula kepada pihak Lembaga Letrik Negara. Dan ini mengambil masa yang panjang sedangkan pihak pengusaha itu sendiri telah memberi kebenaran dengan cara bertulis sebagai satu perjanjian iaitu membenarkan pihak Lembaga Letrik Negara mendirikan sub-stationnya seberapa lama mengikut yang dikehendaki. Inilah salah satu daripada keanihan yang saya rasa patut dikaji semula oleh pihak yang berkenaan supaya polisi ataupun dasar-dasar

yang menyusahkan ini dibaiki ataupun dipinda supaya sesuai dengan perkembangan kemajuan negara kita pada hari ini.

Lagi satu perkara yang menjadi sungutan pada orang ramai ialah berhubung dengan kelambatan-kelambatan perkhidmatan yang diberikan oleh pihak kakitangan Lembaga ini sendiri. Ada setengah-setengah permohonan memakan masa lebih daripada setengah tahun tidak dapat dibekalkan. Ini saya percaya mungkin bukan disengajakan, barangkali dengan sebab kekurangan pegawai ataupun alat-alat yang diperlukan, maka jika ini yang menyebabkan kelambatan itu, saya berharap pihak Menteri yang berkenaan memperbaikinya iaitu samada dengan menambahkan pegawai-pegawai yang cukup di tiap-tiap negeri ataupun iip stesyen daerahnya ataupun menyediakan alat-alat yang cukup supaya keperluan-keperluan orang ramai ini tidak akan tergendala dengan sebab-sebab kekurangan ataupun ketiadaan alat yang cukup itu.

Selain daripada itu, saya juga berharap sebagaimana yang saya katakan tadi iaitu ahli-ahli bagi Lembaga ini patutlah pada lantikan yang akan datang dikira ataupun diperhatikan janganlah ditimbunkan kepada satu orang sahaja duduk dalam dua tiga lembaga. Ada setengah-setengahnya dialah juga Ahli Board Keretapi, dia juga Ahli Board Loteri, dia juga Ahli Lembaga Letrik Negara. Ini boieh menyebabkan kelemahan-kelemahan dalam pentadbiran Lembaga itu sendiri.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang Dipertua, terutama sekali saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas cadangan-cadangan dan teguran-teguran yang membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan Rang Undang-undang yang baharu sahaja saya kemukakan ini. Di sini saya tidaklah mengambil masa panjang untuk menjawab dengan satu persatunya teguran-teguran yang dibuat itu tetapi mana yang saya fikir perlu diambil tindakan saya akan ambil tindakan. Walaubagaimanapun, di sini inginlah saya memeri sedikit jawapan kepada beberapa teguran yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

ini ataupun kewajipan ini. Kepada keraguan yang diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat ini, saya ingin memberiiahu yang jikalauah ada di antara pegawai-pegawai Lembaga Letrik Negara yang didapati tidak menjalankan tugas-tugas seperti yang kita kehendaki ataupun Kerajaan kehendaki, Ahli Yang Berhormat itu adalah berhak bila-bila masa untuk membuat teguran, bukan sahaja Ahli Yang Berhormat.. tetapi juga semua rakyat dalam negara kita ini berhak untuk memberi teguran yang membina supaya perkara-perkara yang tidik memuaskan hati itu kita akan perbetulkan. Di sini saya merayu kepada Ahli Yang Berhormat itu dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain supaya bukan sahaja memberi teguran kepada saya dalam Dewan yang mulia ini tetapi silalah menulis surat kepada saya bila-bila waktu jika ada sesuatu perbuatan yang dibuat oleh pegawai atau Lembaga yang difikirkan tidak mengikut dengan yang dikehendaki oleh kita bersama. Tetapi walaupun demikian, di sini tidaklah pula saya berjanji yang semua teguran atau semua yang Ahli Yang Berhormat itu kehendaki dapat kita buat, tetapi apa yang kita hendak buat ialah mana yang lata fikirkan perlu dibuat atau diperbaiki untuk kepentingan negara. kita akan buat.

Ahli Yang Berhormat itu juga dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah sekali lagi membawa perkara pembekalan letrik di luar bandar tidak memuaskan, kerana Lembaga Letrik Negara sentiasa memeritingkan keuntungan sahaja dan tidak mementingkan keperluan rakyat. Tuan Yang Dipertua, ini yang sebenarnya adalah tidak benar, kerana Lembaga Letrik Negara adalah berusaha sesungguhnya untuk memberi bekalan letrik ini kepada, bukan sahaja di luar bandar tetapi juga kepada perusahaan-perusahaan atau siapa juga yang menggunakan dia di mana juga, tetapi ~~smua~~ ini bukan lah dikatakan t i d a k a d a h a d y a n g k i t a b o l e h buat. Apa yang saya maksudkan di sini kita adalah hanya dapat buat sekadar mana yang kita dapat uat mengikut kewangan dan ke-sanggupan pegawai-pegawai lam satu-satu ketika. Disebabkan-----

Dengan sebab itu, kita hanya dapat menjalankan mana yang kewangan dan kebolehan pegawai kita dapat buat dan kakitangan kita dapat buat-dalam sesuatu waktu.. Untuk memberi gambaran yang lebih terang atau lebih jelas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, Lembaga Letrik Negara bersama-sama dengan Kerajaan Pusat dan Negeri adalah mencuba untuk memberi bekalan kepada kawasan-kawasan luar bandar dengan seberapa segera. dan untuk menjalankan dasar ini untuk Rancangan Malaysia Kedua sahaja adalah dianggarkan tidak kurang daripada \$60 juta akan dibelanjakan untuk projek-projek bekalan letrik luar bandar di Semenanjung Malaysia sahaja.

Dan Lembaga terpaksa menjalankan projek-projek yang tidak ekonomik dengan ada batasan supaya keadaan kewangan Lembaga Letrik Negara tidak terancam sehingga Lembaga Letrik Negara tidak dapat menjalankan tugas-tugasnya untuk memberi bekalan letrik ke perusahaan-perusahaan dan pengguna-pengguna lain di Semenanjung.

Semenjak Rancangan Malaysia Kedua Lembaga Letrik Negara telah sanggup membayar satu pertiga kos semua projek bekalan letrik luar bandar yang dijalankannya samada ekonomik ataupun tidak ekonomik. Ini menunjukkan bahaya Lembaga Letrik Negara tidaklah semata-mata mementingkan keuntungan sahaja. Dengan sebab itu, saya di sini merayulah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya jangan memberi gambaran kepada rakyat jelata dalam negara kita ini yang lata tidak bersungguh-sungguh memberi bekalan letrik di luar-luar bandar. Saya mintalah supaya Ahli-ahli Yang Berhormat faham kedudukan yang sebenarnya dan tolonglah beri penjelasan ataupun pengertian kepada rakyat di kampung-kampung supaya rakyat tidak menyangka yang Kerajaan tidak mengambil berat dengan keperluan mereka. tetapi apa yang saya katakan tadi, apa yang kita boleh buat adalah terhad. Dengan sebab itu, saya merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya memberi penjelasan yang sebenarnya kepada rakyat di kampung-kampung supaya mereka tidak memikirkan bahawa Kerajaan kita tidak mengambil berat atas keperluan mereka.

Yang Berhormat Dr Mahathir juga telah menyebut masalah kita berkenaan dengan kekurangan konterektor letrik bumiputra. Lembaga dan Kementerian saya memang

sedar tentang kekurangan konterektor letrik bumiputra dan usaha-usaha telahpun dibuat untuk menggalakkan bumiputra menjadi konterektor letrik ini. Akan tetapi, perkara ini adalah rumit dan termasuk juga masalah-masalah lain seperti modal dan seterusnya dan tidaklah mungkin dapat diatasi oleh Lembaga Letrik Negara sahaja dengan tidak dapat kerjasama badan-badan lain dan usaha bakal-bakal konterektor bumiputra sendiri.

Yang Berhormat Datuk Nik Hassan telah menyentuh tentang Ahli Lembaga yang mempunyai saham dalam Syarikat Letrik. Di sini ingin saya menerangkan mengikut Seksyen 6 Ordinan Letrik, 1949 Ahli-ahli Lembaga tidak dibenarkan memegang saham dalam syarikat yang menjual letrik ataupun yang membuat perkakas letrik. Mengikut Seksyen 7 Ordinan Letrik, 1949 Ahli-ahli Lembaga juga tidak dibenarkan campur dalam mesyuarat tentang konterektor syarikat-syarikat dalam mana ahli-ahli itu ada saham.

Yang Berhormat Tuan Shaari Jusoh telah merayu supaya pokok-pokok buah-buahan yang ditebang harus dibayar ganti-rugi oleh Lembaga Letrik Negara. Ini sebenarnya adalah sangat susah bagaimana kita hendak jalankan kerana kebanyakan rakyat dalam negara ini termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri selalu merayu supaya harga letrik ini diturunkan dengan seberapa rendah yang boleh, tetapi dalam pada itu kita minta supaya pokok-pokok yang ditebang ini dibayar. Minta turunkan harga dengan serendah-rendahnya dan sambil itu kita minta juga harga pokok-pokok yang ditebang itu dibayar. oleh Lembaga Letrik Negara. Semuanya ini menaikkan perbelanjaan bekalan letrik. Untuk membantu kita menurunkan sedikit perbelanjaan ini, maka terpaksa kita meminta kerjasama daripada semua rakyat dalam negara ini supaya jangan minta bayaran pokok-pokok yang kena tebang ini, itu pun bukanlah begitu banyak pokok yang kita tebang untuk kita menjalankan bekalan letrik kepada mana-mana tempat yang berkehendakkannya.

Tuan Yang Dipertua, saya fikir itulah sahaja yang saya perlu jawab di sini, tetapi mana-mana teguran ataupun cadangan-cadangan yang difikirkan perlu saya buat, saya akan timbangkan dan akan dijalankan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang Dipertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 12 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.'

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1972 DAN 1973)

Bacaan Kali Yang Kedua

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi dua Anggaran Tambahan, satu sebagai Tambahan Ketiga, 1972 dan yang satu lagi sebagai Tambahan Pertama untuk tahun 1973.

Fasal 2 Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi perbelanjaan Tambahan sebanyak \$345,451,728 bagi tahun 1972, dan jumlah ini adalah ditunjukkan dalam Jadual Pertama kepada Rang Undang-undang itu dengan pecahannya ditunjukkan dalam bahagian perbelanjaan "Bekalan" di dalam Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1972, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah Bil 13 tahun 1973. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat perhatikan daripada jumlah sebanyak \$355,950,416 yang dimaksudkan dalam Tambahan ini, sebanyak S 10,498,688 adalah diperlukan untuk membiayai perbelanjaan "tanggung" yang mana jumlahnya tidak dimasukkan dalam Rang undang-undang Perbekalan Tambahan ini. Dari jumlah ini, sebanyak \$9,596,862 adalah dikehendaki sebagai Pemberian Kiraan Kepala yang dibayar kepada Negeri-negeri dalam tahun 1972 berdasarkan kepada jumlah penduduk yang ditentukan oleh bancian tahun 1970: 5709,326 sebagai bantuan kepada Negeri-negeri bagi menyelenggarakan lorong-lorong belakang dengan kadar \$1,300 sabatu setahun selain daripada pemberian tahunan yang diberi untuk menyelenggarakan jalan-jalan negeri. Yang lain,

merupakan jumlah-jumlah kecil untuk membiayai berbagai bayaran mengikut undang-undang dalam tahun 1972.

Fasal 3 Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi perbelanjaan tambahan sebanyak \$35,660,872 bagi perkhidmatan tahun 1973. Selain dari itu, peruntukan sebanyak \$2.5 juta adalah juga dikehendaki sebagai perbelanjaan tanggungan bagi membolehkan Kerajaan membayar balik carum pegawai-pegawai Kerajaan yang memilih keluar dari sekim menurut Akta Pencen Balu dan Anak Yatim (Pindaan), 1972.

Jadual kedua kepada Rang Undang-undang itu menunjukkan jumlah peruntukan sebanyak \$35,660,872 dengan pecahannya dalam bahagian perbelanjaan "bekalan" di dalam Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1973, yang dikemukakan sebagai Kertas Perintah Bil.17 tahun 1973.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Tuan Oh Siew Aun: Tuan Yang Dipertua, dalam menyokong Rang Undang-undang Perbekalan tambahan 1972 dan 1973 ini, saya bangun untuk memberi sedikit pandangan. Satu-satu pekerjaan yang kita buat dan tidak bertentangan dengan kepentingan prinsip untuk faedah negara mencegah kenaikan harga barang, Yang Berhormat Menteri Kewangan mestilah bertindak tegas.

Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menjawab di Dewan Rakyat pada 17-7-1973, beliau telah memaklumkan iaitu Kerajaan akan segera menghapuskan cukai impot ke atas 60 jenis barang-barang. Ini ialah hendak mencegah kenaikan harga barang-barang. Yang Berhormat Menteri telah membuat makluman di atas ialah sebagai mengatasi harga barang yang terlalu menjadi tinggi. Kerajaan akan segera memansuhkan cukai impot atas 60 jenis barang.

Kenyataan itu adalah disambut baik oleh rakyat. Kita tidak boleh menafikan sejak tahun ini kenaikan harga barang adalah memeranjatkan rakyat-rakyat dari segala lapisan adalah memberi pandangan berat kepada soal tersebut pada masa ini. Mereka berbicara antara satu sama lain khususnya mereka yang berpendapatan rendah, mereka

bekerja bertungkus lumus tetapi tidak dapat cukup pendapatan untuk sara hidup. Mengapa? Ini ialah kerana wang yang mereka dapati tidak berupaya mengejar harga barang-barang yang melambung tinggi. Jika pemimpin kebangsaan kita tidak membuat keputusan segera cuma bercakap-cakap mengatakan yang rakyat telah mewah dan

makmur dan sebagainya. Ini adalah sebagai satu kenyataan dan permakluman itu tidak boleh membawa harga barang menjadi turun serentak. Seharusnya permakluman ini hendaklah diikuti dengan tindakannya sekali.

Pada masa yang sudah Kerajaan telah membina tembok keselamatan bagi barang-barang keluaran tempatan iaitu dengan mengenakan cukai impot kepada barang-barang buatan luar. atau menahan sejumlah barang daripada dibawa masuk.

Akhirnya, beberapa pengusaha tempatan telah mengambil peluang mengawal barang-barang yang keluarannya pada masa yang sama. Barang-barang telah berkurangan dan mereka telah mendapat keuntungan yang tersembunyi. Inilah yang menjadikan harga barang melambung tinggi. Tidak usahlah kita menunjukkan diri kita sebagai sangat-sangat maju. Sebenarnya adalah dalam peringkat membangun. Sebagai sebuah negara yang baru membangun.

Tuan Yang Dipertua Saya minta Ahli Yang Berhormat itu supaya menghadkan teguran-teguran kepada perkara yang diliputi oleh Anggaran Tambahan yang terkandung dalam Rang Undang-undang yang ada di hadapan Majlis. Ahli Yang Berhormat boleh menghadkan teguran-tegurannya mengenai item dalam Rang Undang-undang ini sahaja.

Tuan Oh Siew Aun: Tuan Yang Dipertua, boleh benarkan saya habiskan 5 minit lagi?

Tuan Yang Dipertua: Tetapi adakah perkara itu berkaitan dengan Rang Undang-undang ini?

Tuan Oh Siew Aun: Berhubung dengan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1972 dan 1973).

Tuan Yang Dipertua: Saya tak boleh benarkan!

Tuan Oh Siew Aun: Tuan Yang Dipertua, saya minta maaf. Saya hendak menyentuh perkara yang kedua: Menambah dan membanyakkan tayar.

Negara kita pada masa ini mempunyai 3 buah kilang tayar dan 6 buah kilang membuat tayar dalam. Bahan-bahan yang mereka gunakan adalah getah dari negara ini. Kilang tersebut telah mendapat galakan dari Kerajaan.. mereka juga mendapat perlindungan dari Kerajaan iaitu Kerajaan telah mengenakan cukai impot (quota) kepada tayar-tayar buatan luar negeri. Bolehkah kilang-kilang tayar dalam negeri ini memberi jaminan yang mereka akan membekalkan cukup tayar kepada pemakai-pemakai tempatan? Bolehkah mereka mengawal mutu pengeluarannya sama seperti tayar-tayar buatan luar negeri.

Pada masa ini pengguna-pengguna di negara kita komplek iaitu barang-barang keluaran negara kita tentang mutu dan tarafnya tidak dapat menandingi barang-barang keluaran negeri luar yang boleh digunakan lebih lama dan bernilai. Berhubung dengan harga pula beberapa tayar dari keluaran tempatan lebih mahal 150% dari harga cost tayar yang diimpot. Bolehkah Kerajaan mengambil perhatian. . . .

Tuan Yang Dipertua: Perkara itu sudah terkeluar daripada Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini.

Tuan Oh Siew Aun: Tuan Yang Dipertua, saya akan bercakap perkara nombor tiga.

Tuan Yang Dipertua: Tidak boleh!

Tuan Oh Siew Aun: Terima kasih.

Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang Dipertua, saya bangun menyokong Bil ini untuk diluluskan dan saya suka memberikan pandangan-pandangan kepada Kementerian-kementerian dan juga Jabatan-jabatan yang ada dalam Bil ini.

Pertama kepada Kementerian Perhubungan. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Jabatan Keretapi Tanah Melayu yang telah membuat jadual waktu perjalanan keretapi yang baharu yang lebih lekas sampai dari masa-masa yang lampau, ini patut sudah lama dijalankan. Tetapi yang mendukacitakan masih terdapat lagi kegelinciran yang tak patut lagi berlaku, sebab kita sudah masuk ke twentieth century. patutnya tidak ada lagi kegelinciran-kegelinciran dan sudah patut kita mengadakan double track, perjalanan keretapi dalam tanah seperti negeri-negeri yang maju seperti Jepun dan United Kingdom, maka saya berharap kepada Keretapi Tanah Melayu dan

Kementerian Perhubungan akan memikirkan mengambil langkah-langkah apa yang saya sebutkan tadi.

Kepada Kementerian Perhubungan juga, saya merayu kepada Kementerian ini akan membuat satu Post Office di Batu Village. Kuala Lumpur kerana penduduk-penduduk di Batu Village sudah bertambah ramai dengan adanya dua taman iaitu Taman Kok Doh dan Taman Kok Lian, begitu juga adanya 10 flats bagi askar-askar dan 15 flats bagi orang-orang awam yang sedang didirikan di kawasan itu sekarang. Pada masa ini penduduk-penduduk di Batu Village terpaksa pergi ke Jinjang atau ke Post Office Sentul atau Post Office Kuala Lumpur. Inilah rayuan saya. Saya berharap Post Office di Batu Village itu akan dapat disegerakan, kalau boleh tahun ini juga.

Kepada Kementerian Perhubungan juga, saya merayu kepada Kementerian ini akan mengadakan temuduga pada pemohon-pemohon lesen teksi dari Negeri Selangor yang telah ditutup pada 14-5-1973 yang lepas kerana banyak di antara pemohon-pemohon itu datang bertanya kepada saya.

Kepada Kementerian Perhubungan juga saya merayu supaya badan-badan sukarela seperti Pandu Puteri, Boys Scout, Ex-Services Association, Ex-Police Association, Red Cross, St. John's Ambulance dan lain-lain dikecualikan dari bayaran stamp apabila hantar surat-surat rasmi.

Satu lagi kepada Kementerian Perhubungan, saya merayu dan juga saya memberitahu iaitu berkenaan dengan telephone directory tahun 1973 ini banyaklah komplek saya terima daripada orang ramai kerana tidak begitu rata-rasman pada tahun-tahun yang sudah jadi terpaksa menggunakan telephone directory tahun

1972 maka saya berharap kepada Kementerian Perhubungan supaya tahun 1974 akan membuat telephone directory yang teratur seperti tahun-tahun sudah.

Kepada Jabatan Perangkaan
e ar r rikimjan - <c . <A U¹ „\n
ijⁿio¹,c e oiW¹, . e, \> . *"

dengan sebab baharunya syarikat itu ditubuhkan, maka return itu dihantar dengan nil return dan ini membazir kertas-kertas sahaja, begitu juga berkenaan dengan return tahun-tahun yang dikehendaki oleh Jabatan Perangkaan. Misalnya, seseorang membuat perniagaan tidak maju dan Pejabat Perangkaan hantar pada syarikat itu minta keterangan-keterangan, maka dijawab oleh syarikat itu tidak menjalankan apa-apa perniagaan, maka tahun yang kedua, ketiga dan keempat datang lagi return dari Jabatan Perangkaan meminta return walhal return yang pertama sudah diberi tahu tiada menjalankan perniagaan, ini bermakna dengan automatic syarikat itu tak jadi. Saya fikir ini membazirkan kertas-kertas dan membazirkan kerja pejabat yang tak berfaedah.

Saya bercakap tentang Kementerian Perusahaan Utama. Kita patut memberi setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian ini kerana dengan kebijaksanaan Menteri yang berkenaan dengan Kabinet harga getah yang kita tidak sangka-sangka telah melambung-lambung tinggi dan baharu-baharu ini rombongan dari negeri Cina telah datang pula melawat negara kita yang mana kita berharap negeri Cina akan membeli lebih banyak lagi getah-geiah kita, dan juga baharu-baharu ini kita dengar getah yang ada di London itu akan dipindahkan ke Malaysia. Ini menunjukkan tanda-tanda getah kita akan mendapat harga yang tinggi dan akan memberi keuntungan yang banyak kepada negara kita yang kita kasih.

Tuan Vang Dipertua, saya masuk kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Masih banyak lagi orang-orang kampung bersungut kerana Kementerian ini belum dapat menurunkan harga barang-barang yang kita melambung-lambung tinggi dan boleh dikatakan kesemua barang-barang. Kita berharap Kementerian ini akan berikhtiar menurunkan harga barang-barang supaya kita menang dalam pilihanraya yang akan datang ini. Kementerian ini juga kita harap dapat memberi banyak lesen-lesen eksport pada bumiputera seperti hampas udang yang tak terhingga banyaknya di satu kawasan yang tak boleh habis di negara kita supaya jangan membazir. Jadi kelurkan lesen eksport dan banyak lagi barang-barang yang boleh kita eksport tetapi anak bumiputera susah dapat lesen.

Tuan Yang Dipertua, kepada Kementerian Pertahanan, saya berharap pada masa yang akan datang apabila mengambil askar-askar samada Tentera Darat, Laut dan Udara. Berilah peluang juga pada pemohon-pemohon yang lulus darjah VI dan L.C.E.

Tuan Yang Dipertua, saya masuk kepada Kementerian Pelajaran. Saya telah menerima

kerana saya dapat tahu ada peluang-peluang pada darjah VI dan L.C.E tetapi apabila ditemuduga yang di ambil semuanya dari M.C.E. sahaja. Inilah rayuan saya supaya kila adil dan juga saya merayu supaya besarkan lagi Angkatan Tentera kita, sebab saya hiba dan kasihan menengok banyaknya pemuda-pemuda kila di merata-rata kedai-kedai kopi di tepi jalan, di surau dan di masjid-masjid duduk bersimbang-simbang kerana tidak ada pekerjaan.

Tuan Yang Dipertua, kepada Kementerian ini juga, saya bagi pihak Persatuan Bekas Parajurit Malaysia, mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Timbalan Menteri Pertahanan yang telah berucap di TV merayu kepada orang ramai supaya membantu Persatuan Bekas Parajurit dengan membeli bunga-bunga dan menderma seberapa banyak yang boleh pada Hari Rayuan Pahlawan yang bermula pada 15-7-1973 hingga 15-8-1973 ini. kerana banyak rakyat tidak tahu penderitaan bekas-bekas parajurit. Di Kuala Lumpur ini sahaja tidak kurang dari 2,000 kelamin yang tinggal di rumah-rumah buruk di Tanah MAHA. di Klang Road, begitu juga di Batu Village, di Kampong Maxwell. Saya merayu kepada Kerajaan akan membanci orang-orang ini dan tempatkan mereka di satu perumahan. rumah pangsa, di mana-mana sahaja tanah Kerajaan yang ada. Persatuan Bekas Parajurit Negeri Selangor telah mencuba memohon tanah pada Kerajaan Negeri Selangor. tetapi sudah 3 tahun tidak berjaya, maka saya merayu pada Kerajaan Pusat, khususnya Timbalan Perdana Menteri yang akan dilantik yang banyak menyimpan ruang perumahan, buatlah rumah pangsa 4 tingkat untuk bekas-bekas askar supaya kita jangan malu. Saya berharap juga pada Kementerian ini akan mengkaji semula pencen-pencen bekas perajurit ini, kerana tiap-tiap kali saya menghadiri perjumpaan-perjumpaan... inilah

aduan dan sungutan-sungutan dari Guru-guru Besar di Sekolah Menengah Kebangsaan dan di Sekolah Menengah Inggeri di kawasan saya di Batu iaitu Kementerian Pelajaran mambuatkan sekolah yang tidak cukup dengan teratur. Di kawasan saya ada 5 sekolah menengah, ada bilik sains, ada bilik jahit-menjahit. ada bilik masak-memasak, semua alat-alat cukup, tetapi kelas-kelas ini jendelanya tidak ada besi, menahan orang jahat untuk mencuri masuk pada bila-bila masa. Maka saya berharaplah kepada Kementerian Pelajaran supaya apabila membuat sekolah-sekolah menengah ini, buatlah pintu-pintu dan jendela-jendela itu dengan besi supaya tidak dapat orang-orang jahat, senang mencuri mesin jahit, cooker dan sebagainya. Saya berharap Kementerian ini jikalau hendak membina sekolah-sekolah menengah hendaklah jendela-jendela diberi besi supaya bilik sains, bilik jahit-menjahit. bilik masak-memasak dan bilik pertukangan kayu dapat terselamat. Baru-baru ini 40 typewriter sudah kena curi di High School Setepak.

Satu perkara lagi, saya merayu kepada Kementerian Pelajaran berkenaan dengan padang sekolah. Separuh daripada padang itu patutlah diberi tar supaya murid-murid dapat bermain badminton, sepak takraw dan sebagainya. Jikalau tidak dibuat bagitu, terpaksa pula guru-guru besar sekolah itu mengeluarkan belanja untuk memberi tar separuh daripada padang pemain itu, sebab

Saya berharap kepada Kementerian ini janganlah di Jinjang, di Kepong sahaja tetapi hantar orang-orang ke kawasan-kawasan Kampong Baru yang ada di Malaysia ini supaya semuanya serupa Kampong-kampong ini. Semuanya terbiar dan sangat-sangat kotor, ada Local Council tetapi kuli boleh di kira dan orang-orang yang duduk di situ tidak seratus peratus yang menjelaskan bayaran yang dikehendaki oleh Local Council itu.

Tuan Yang Dipertua, kepada Kementerian Penerangan, saya merayu kepada Kementerian ini akan membanyakkan alat-alat penerangan dan pergilah ke kampung-kampung menerangkan apa sahaja perkara-perkara yang berlaku. Misalnya, harga barang-barang naik melambung-lambung linggi, beras tak cukup, banyak orang-orang kampung tertanya-tanya. Di kampung-kampung tidak ada radio dan T.V., surat khabar jauh sekali. Kalau ada pun surat khabar orang-orang kampung banyak tak tahu membaca. Kita tak mahu lagi rakyat tak tahu apa yang Kerajaan telah buat. Kementerian Penerangan mesti buat programme melawat ke kampung-kampung dan beritahu wakil-wakil rakyat di kawasan itu yang mengatakan Pejabat Penerangan Negeri akan datang memberi penerangan-penerangan berkenaan dengan hal Kerajaan dan minta orang ramai datang bersama-sama dan juga wakil-wakil rakyat di kawasan itu.

Tuan Yang Dipertua, inilah sahaja pandangan saya kepada Bil ini dan saya menyokong untuk diluluskan.

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang Dipertua, saya cuma hendak bercakap satu perkara sahaja dalam membahaskan Rang Undang-undang ini. Saya menyokong dan saya minta peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ditambah, kerana saya tahu Polis-polis yang ada sekarang ini gaji mereka sangat-sangatlah rendah, tetapi banyak Kementerian-kementerian menambah gaji kakitangannya, tetapi mengapakah kita membuat aniaya kepada rakyat kita yang telah bertanggungjawab di dalam negara kita ini. Inilah sahaja yang saya minta kepada Kerajaan supaya menambah lagi peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memberi gaji lebih kepada Polis-polis yang telah menjalankan tugas-tugas mereka di dalam negara kita ini.

Dr Lim Ah Sitt: Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyokong Rang undang-undang Perbekalan Tambahan (1972 dan 1973). 1973 yang sedang dibahaskan sekarang.

Saya cuma ada satu perkara di sini iaitu E. 26 berkenaan Kementerian Kesihatan dengan peruntukan S28.684.950. Saya mengambil kesempatan memberi perhatian kepada Dewan ini berkenaan dengan peranan yang dimainkan oleh Kementerian Kesihatan dan juga Kementerian Teknologi. Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan tentang masaalah nyamuk di kawasan-kawasan Majlis.. Bandaran dan Majlis Tempatan di seluruh Malaysia.

Ahli-ahli Berhormat akan sedar berkenaan dengan satu peperangan demam dengue dengan kesulitan curur darah iaitu "Dengue fever with haemorrhagic complication" yang berlaku mulai di kawasan Jinjang pada bulan Mei dan kemudian merebak ke lain-lain kawasan di Selangor dan juga di Iain-lain negeri-negeri seperti Johor di Daerah Batu Pahat, Pontian, Johor Bahru dan Negri Sembilan dan lain. Penyakit ini mengidap kanak-kanak berumur bawah 12 umur.

Mengikut lapuran yang disiarkan oleh Kementerian Kesihatan sampai sekarang—agak sekurang-kurang 200 lebih kanak-kanak mengidap dengan dengue fever dan dimasuk ke hospital-hospital dan lebih kurang 20 kanak-kanak telah mati. Pesakit yang mati menyebabkan curur darah iaitu keluar darah di kulit perut, paru-paru dan kadang-kadang di otak dan Iain-lain tempat. yang keluar terlampau banyak. Sakit demam dengue disebabkan oleh virus yang memin-dahkan oleh nyamuk Aedes yang mana bertindak di air tenang di rumah dan sekeliling sekeliling rumah, dalam tong, pot dan kulit kelapa dan Iain-lain tempat yang boleh mengandungi air.

Sekarang biar kita memandang balik kepada peranan yang dimainkan oleh Jabatan Kesihatan, Kerajaan Majlis Bandaran dan Majlis Tempatan dalam masaalah nyamuk. Biasanya nyamuk-nyamuk rumah (household mosquitoes) tidak diambil perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan seperti Health Offices dan Town Council, kerana nyamuk itu disebut bukan nyamuk jahat (the anopheles) dan dengan tidak mengidap penyakit malaria. Apabila sesuatu pengaduan dari rakyat tentang banyaknya

nyamuk di kawasan bandar-bandar, jawapan dari Jabatan Kesihatan biasanya, ialah nyamuk itu bukan nyamuk jahat oleh kerana itu bukan tanggungjawab saya dan jawapan dari Majlis Bandaran pula kekurangan wang, tidak berkebolehan, tidak ada peruntukan. Saya tidak boleh buat apa-apa, saya tidak ada peruntukan, tidak ada wang untuk membeli minyak anti-malaria oiling untuk mencegah penternakan nyamuk-nyamuk. Di dalam Majlis Bandaran tugas Pegawai Kesihatan ialah advisory sahaja, dan dengan tidak ada apa-apa kuatkuasa—tidak ada power. Dengan adanya kejadian epidemic dengue fever sekarang, maka kedua Kementerian yang saya sebutkan tadi patutlah diubah sikapnya dan mengambil tindakan yang positive dan berkesan untuk menghapuskan nyamuk-nyamuk dan tempat penternakan nyamuk yang mendatangkan penyakit dengue sekarang.

Tuan Yang Dipertua, di sini saya suka mencadangkan: Yang pertama, suatu persidangan patut diadakan antara Kementerian Kesihatan dan Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan dengan tujuan mencetakkan satu skim yang lengkap dan positive untuk persefahaman dan kerjasama yang lebih berkesan.

Yang kedua, satu tabung pusat (central fund) patut ditubuhkan bagi membantu Majlis Bandaran dan Majlis Tempatan yang miskin yang berkurangan wang untuk mengatasi masalah-masalah nyamuk, lalat dan lain-lain.

Yang ketiga, semua Majlis Bandaran dan Majlis Tempatan mesti diberi kuasa untuk menjalankan kebersihan kesihatan di semua kawasan-kawasan back-lane, tempat lapang, lorong-lorong dan longkang-longkang.

Anti-malarial oiling patut ~~disebarkan~~ minyak mencegah nyamuk atau lain-lain ----- yang berkesan patut disemburkan pada tiap-tiap minggu di longkang-longkang, jalan di tempat rendah, di mana air bertakung dan orang ramai patut diberi pendidikan dengan penerangan yang luas melalui -----seperi radio, televisyen, surat-
 a ' j u r : : : " x a n , J - r v . ^ ' '
 a , ' ... " u "" a n a _ a a i v i ' v a a ^ ~ ' 3 j a a a •-

Akhirnya, Town Board Enactment dan By-laws bagi tiap-tiap Negeri adalah telah dibuat terlampau lama, barangkali boleh dikatakan berpuluh-puluh tahun yang lampau. dan patut diperbaharui dan diganti dengan satu set uniform by-laws, yang modern dan sesuai dengan keadaan sekarang. Dengan ini, saya sekali lagi menyokong dengan setinggi-tingginya Rang Undang-undang ini.

Tuan Zainuddin bin Haji **Mohd. Sidin**:
 Tuan Yang Dipertua, saya bangun menyokong penuh Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1972 dan 1973).

Tuan Yang Dipertua, saya suka menyentuh selain daripada Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh atas perkara-perkara yang lain. Ada juga tiga perkara yang saya suka mementuh di dalam Dewan kita ini boleh dikatakan hampir-hampir tiap-tiap kali kita bersidang kita meluluskan berjuta-juta ringgit wang peruntukan diberi kepada Jabatan-jabatan.

Saya menyentuh berkenaan dengan Parlimen. Dalam Dewan Negara ini, saya sangat-sangat berdukacita oleh kerana dalam Parlimen kita, Dewan Negara ini yang mana saya dapati bocor, pada hal kita telah mengeluarkan pebelanjaan berjuta-juta ringgit. Saya berasa dukacita atas keadaan itu. Saya berharap supaya dapat diperbaiki keadaan bocor di Parlimen ini.

Yang keduanya, saya suka menyentuh berkenaan dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Apa yang saya tahu dalam berita akhbar bahawa kita di negara Malaysia ini sama barang-barang makanan, pakaian dan apa juga telah melambung naik. Tetapi ini patut kita mengambil berat oleh kerana kekurangan kertas dalam Malaysia ini. Apakah langkah-langkah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini untuk mengambil berat agar memperbaiki atau

^aa \ra mengambil ^erat Jen
 -: - . - - ai .Z-JS JYr Wur.a.
 ava \<h-' iiiixaL x.T.Ciiurir.'
 " " " ^ u ~ \ J a i > 2 -

Sepatutnya mula daripada hari ini Menteri ini papa; mengambil perhatian yang berat untuk mencukupkan keadaan kertas ini jangan sampai harga kertas melambung naik.

Yang ketiganya, saya suka menyentuh Kementerian Kesihatan. Kementerian Kesihatan ini, saya dapati keadaan projek-projek hospital-hospital baharu yang akan dibuat di luar daripada Ibu Kota kita kedudukannya di luar-luar bandar janganlah kiranya dibuat rumah berflat-flat sampai yang semacam ini tidak sesuai kepada cara rasmi kita orang" Asia yang mana rumah bertingkat-tingkat ini susah keadaannya oleh sebab terpaksa naik lift dan sebagainya.

Sekiranya rumah-rumah flat ini kalau terjadi, berlaku darurat, keadaan rumah itu terbakar berbagai-bagai lagi, perkara ini boleh menimbulkan kerumitan kepada pesakit-pesakit yang berada di bangunan yang di atas sekali untuk berpusu-pusu turun kepada flat-flat yang cuma diadakan dua lift sahaja.

Tuan Yang Dipertua, mengikut keadaan yang sesuai bagi orang-orang Asia yang mana saya dapat tahu setengah daripada doktor-doktor, saya bukannya pakar dalam bahagian doktor, tetapi keadaan pesakit-pesakit itu mengikut jadual lawatan, daripada keluarganya datang melawat ke hospital mengikut masa, dari pukul 4.00 sampai pukul 6.00 petang atau tengah hari daripada pukul 1.00 sampai pukul 2.00 petang. Saya dapat tahu keluarga yang datang melawat ke hospital, melawat kepada pesakit-pesakit ini adalah merupakan suatu ubat kepada pesakit-pesakit itu. Sekiranya tidak ditegah salah seorang daripada keluarga itu duduk atau bersama-sama bersimbang, bercakap dan sebagainya.. selain daripada waktu yang telah ditetapkan maka ini akan mendatangkan kebaikan kepada pesakit itu. Di sini saya tengok ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang pakar dalam bidang kedokteran, saya ingat Ahli-ahli Yang Berhormat itu setuju dengan saya ini satu ubat kepada pesakit; supaya pentadbiran pelawat-pelawat untuk memberi peluang kepada pesakit-pesakit itu patut dibenarkan seorang atau dua orang datang melawat luar daripada pemeriksaan doktor—boleh melawat. Janganlah dihadkan kepada

pukul 1.00 sampai pukul 2.00 petang atau pukul 4.00 petang sampai pukul 6.00 petang dan sebagainya.

Satu lagi perkara yang saya suka hendak sentuh ialah berkenaan dengan Kementerian Perhubungan. Kementerian Perhubungan itu yang mana kita Ahli-ahli Yang Berhormat telah diberi talipon seorang satu untuk berhubung daripada rumah sendiri kepada pejabat-pejabat yang berkenaan. tetapi malangnya saya sendiri ada mempunyai talipon. Perkara ini tiap-tiap kali apabila saya telah berjumpa kepada Kementerian Perhubungan, Yang Berhormat Tan Sri Haji Sardon—mengatakan di waktu dahulu dalam daerah saya itu kita tidak ada talipon automatik, tetapi sekarang Alhamdulillah talipon itu sudah digantikan kepada automatik. Saya berasa sedih apabila menggunakan talipon itu lebih cepat lagi daripada kawasan saya di Beranang 28 batu ke Kuala Lumpur. lebih cepat naik kenderaan daripada menggunakan talipon. Ini sangat sedih pada Fikiran saya, tak tahulah apa alasan daripada Kementerian Perhubungan di atas perkara-perkara semacam ini.

Di kawasan saya di Beranang yang mana jumlah penduduk ialah lebih kurang 10,000 dukacita tidak ada Pejabat Pos. Oleh kerana penduduk-penduduk di kawasan saya ini adalah kebanyakan daripada orang-orang pencen, isteri-isteri daripada bekas askar, isteri-isteri mereka itu hendak mengambil pencen dan sebagainya, ini sangat susah.

Yang keduanya berkenaan dengan bayaran api listrik, terpaksa pergi ke Pejabat Pos Mantin dan juga hendak membayar berkenaan dengan air terpaksa pergi ke Pejabat Daerah, Kajang bagi membayarnya. Ini akan menyusahkan kepada penduduk-penduduk di kawasan saya, iaitu di Beranang. Saya berharap kepada Kementerian ini supaya dapat dengan seberapa segera mengikut keadaan penduduk-penduduk yang berjumlah 10,000 itu patutlah diadakan sebuah Pejabat Pos pada masa yang akan datang untuk kesenangan bagi rakyat.

Sekianlah teguran daripada saya dan, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini untuk diluluskan.

Tuan Yeap Kheng Yam: Tuan Yang Dipertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1972

dan 1973) dan sebelum saya menyampaikan sedikit sebanyak pandangan saya untuk perhatian dan tindakan Kerajaan, saya ingin hendak meminta kebenaran dari Tuan Yang Dipertua terlebih dahulu supaya saya dibenarkan bercakap alas tiga perkara. Kalau tidak meminta kebenaran takut nanti ditahan pula. Yang saya hendak cakapkan, perkara yang pertama tuntutan gaji guru-guru atas kepala Pelajaran—bolehkah saya bercakap?

Tuan Yang Dipertua: Rang Undang-undang ini ialah berkenaan Perbekalan Tambahan (1972 dan 1973). Kalau Ahli Yang Berhormat hendak memberi pandangan berkenaan dengan dasar, saya boleh benarkan.

Tuan Yeap Kheng Yam: Ini bukan dasar.

Tuan Yang Dipertua: Perkara-perkara yang ada berhubung dengan perbekalan tambahan di sini.

Tuan Yeap Kheng Yam: Tuntutan gaji guru-guru sahaja. Saya hendak terangkan sepatah dua berkenaan dengan kelayakan guru-guru, kalau boleh saya teruskan.

Tuan Yang Dipertua: Sila.

Tuan Yeap Kheng Yam: Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Semenjak Perkhidmatan Pelajaran baharu atau syor-syor Suruhanjaya Aziz telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan perkara-perkara yang tidak adil telah dikemukakan pada masa sekarang ini. Sekiranya kalau-tidak dapat diselesaikan 'dengan secepat mungkin, maka kedudukan perkhidmatan dan perasaan hati guru-guru serta taraf pelajaran di Semenanjung Malaysia akan terlibat dengan buruknya.

Kita dapat tahu bahawa Kerajaan tidak dapat menerima tuntutan supaya guru-guru lepasan Pusat Latihan Harian atau DTC yang lulus LCE atau setarafnya diberi tanggagaji lebih tinggi dari Sekim Aziz. Menurut kenyataan Kementerian Pelajaran pada 15hb Julai 1973 sebab-sebab menolak tuntutan itu yang dikatakan oleh Kementerian Pelajaran ialah kerana akan menimbulkan akibat yang serious bukan sahaja dalam Perkhidmatan Pelajaran Kerajaan tetapi juga dalam cawangan-cawangan perkhidmatan Kerajaan yang lain. Tuntutan tersebut ditolak oleh pihak Kerajaan akan terlibat dengan lebih kurang 20.000 orang guru yang berkelayakan LCE atau setarafnya.

Tuan Yang Dipertua, menurut cadangan syor-syor Suruhanjaya Aziz guru-guru yang berkelayakan **School Certificate atau MCE** digredkan dalam C2 dengan tanggagaji bersih dari \$310 hingga \$880 sebulan dan berkelayakan LCE atau setarafnya dari \$205 hingga \$580 sebulan dalam Gred B1. Perbezaan adalah \$25 dari permulaan gaji dan sehingga gaji tinggi adalah berbeza \$35 sebulan sahaja dalam sekim UTS tetapi perbezaan jauh sekarang yang dibandingkan dengan Gred 2C dan B1 adalah \$105 dan \$300 sebulan dalam Sekim Aziz.

Tuan Yang Dipertua, mengikut keterangan Kerajaan bahawa tanggagaji dan gred adalah diasaskan atas kelayakan dan tiap-tiap guru yang memilih masuk dalam Sekim Aziz tidak akan dapat kurang gaji daripada gaji lama. Ini memang betul, akan tetapi saya suka bertanya mengapa guru-guru yang berkelayakan Junior Middle III atau rendah daripada LCE sebelum Perang Dunia Yang Kedua digredkan dalam C2 pula bersama dengan kelayakan School Certificate atau MCE,

Tuan Yang Dipertua, untuk menarik perhatian Kerajaan pada tahun 1947 sehingga tahun 1965 Kerajaan mengambil penuntut-penuntut yang tidak berkelayakan School Certificate memasuki ke Pusat Latihan Mingguan atau masa cuti (TTC) dan Pusat Latihan Harian (DTC) kerana kekurangan guru-guru pada masa tersebut itu. Ini siapakah yang bersalah? Keterangan Kerajaan akan takut menimbulkan akibat yang serious bukan sahaja dalam Perkhidmatan Pelajaran Kerajaan, tetapi juga dalam cawangan-cawangan perkhidmatan Kerajaan yang lain. Saya rasa, ini bukanlah satu sebab yang sesuai dan baik. Kita semua tahu Perkhidmatan Awam dan Perkhidmatan Pelajaran adalah berbeza. beza dalam latihan. beza dalam maksud perkhidmatan b e z a dalam keadaan pekerjaan dan sebagainya. Kalau di a s a s k a n kelayakan digredkan gaji, maka tak patutlah Kerajaan menentukan kelayakan School Certificate atau setarafnya dengan C2 dengan gaji bersih \$310 sebulan kerana dalam Perkhidmatan Awam misalnya Technical Assistant dapat gaji \$500 ke atas mereka berkelayakan School Certificate dan ----- juga.

Di sisi saya meryu kepada Kerajaan supaya ditimbang semula tuntutan guru-guru lepasan Pusat Latihan Harian DC

yang lulus LCE atau setarafnya diberi Gred C2, Pendek.kata guru -guru dalam B1 semua dinaikkan gred mereka ke Gred C2. Dengan mi barulah tujuan masyarakat adii kita akan dapati.

Masaalah yang kedua. saya juga hendak minta kebenaran dari Tuan Yang Dipertua, benarkanlah saya bercakap berkenaan dengan insuran dan mengutip tambang bagi kereta-kereta teksi atas Kepala B. 49—Kementerian Perhubungan.

Tuan Yang Dipertua, mengenai perhubungan, saya telah dapat banyak aduan daripada pemilik dan pemandu teksi yang mengadu bahawa syarikat-syarikat insuran selalu meninggikan premium insuran teksi-teksi dengan sewenang-wenangnya sahaja. Ada juga antara syarikat-syarikat insuran itu ada yang terus menolak langsung insuran kereta-kereta teksi. Syarikat yang berkenaan tidak langsung menimbangkan kesusahan-kesusahan dan kesulitan-kesulitan mereka dengan mengambil sebarang tindakan yang dikehendakinya dengan sesuka hati sahaja tanpa timbangan ke atas keadaan kereta-kereta teksi. •

Tuan Yang Dipertua, di sini benarkanlah saya menerangkan dengan rajah satu keterangan seperti berikut:

(a) *Insuran Third Party bagi Teksi-teksi*

Sebelum 15hb Jun, 1966 premium \$171 tetapi mulai daripada 15hb Jun, 1966 tambah 25%, dan mulai daripada 1hb Mei, 1967 tambah lagi hingga 50%. Mulai daripada 1hb Disember, 1967 tambah 75% lagi (kereta dalam 10 tahun), bagi kereta atas 10 tahun ditambah 100% dan juga dari 1hb April 1973 kereta dalam 10 tahun sudah pun ditambah 100% dari \$171 premium—ini menghairankan saya. Dari 1hb April, 1973 kereta teksi atas 10 tahun ditambah dengan 125% insuran.

(b) *Insuran Comprehensive bagi Teksi-teksi.*

Sebelum 1hb Disember, 1967 pada dasarnya \$1,000 premium akan dibayar \$337.50 tambah tiap-tiap \$500, ditambah premium \$22.50. Mulai daripada 1hb Disember, 1967 sama pada dasar tambah 25% dan mulai pada 1hb April, 1973 tambah pada dasar 75%.

Kereta yang berumur atas 10 tahun ditolak diinsurankan dengan comprehensive.

Tuan Yang Dipertua. sebelum 1hb Oktober, 1972 premium tersebut masih lagi dapat potongan komisyen sebanyak 20% hingga 25% tambahan lagi potongan NCB (No Claim Bonus) 10% bagi tahun pertama, 15% bagi tahun kedua dan 20% bagi tahun ketiga dan ke atas, tetapi sesudah 1hb Oktober, 1972 potongan komisyen tersebut telah tiada lagi melainkan hanya NCB diterus.

Tuan Yang Dipertua, dengan kenyataan tersebut di atas ini telah saya terang-terang menyatakan bahawa syarikat-syarikat telah meninggikan premium insuran ke atas teksi dengan sesuka hati sahaja.

Pada 13hb September, 1972 Persatuan Pemilik dan Pemandu Teksi Kinta, Perak telah menghantar satu pertanyaan pos kepada Kementerian Kewangan, Bahagian Insuran dan juga Persatuan Insuran Malaysia akan hal penambahan harga premium moto dan memohon tindakan-tindakan mengatasi kesulitan-kesulitan ini.

Tuan Yang Dipertua, tetapi pihak Pengarah Insuran Perbendaharaan Malaysia telah mengelakkan permohonan yang berkenaan dalam surat jawapannya bertarikh 17hb Oktober, 1972 kepada pihak Persatuan Insuran Malaysia. Dan dalam surat jawapan pihak yang berkenaan itu pada 18hb Oktober, 1972, Setiausaha Persatuan itu menyatakan berbunyi:

"Tambahan bayaran di dalam harga-harga untuk motokar-motokar sewa dalam takrif mengikut ahli-ahli Persatuan ini tiada dikenakan."

Tetapi sebenarnya syarikat-syarikat insuran telah menaikkan harga premium sekali lagi ditinggikan sehingga 25% sampai 50%.

Memanglah kepada keadaan yang tersebut di atas ini, maka nyatalah sekali bahawa keadaan kereta-kereta teksi sangatlah buruk, syarikat-syarikat insuran menekan dan memeraskan mereka dengan sewenang-wenang sahaja.

Tuan Yang Dipertua, maka dengan ini saya dengan ikhlas dan jujurnya meminta pertolongan dan bantuan dari Menteri Perhubungan, dan saya berharap Menteri yang

berkenaan dapat mendesak pihak syarikat-syarikat insuran tentukan satu harga sama yang adil dan kiranya tiada diberi kebenaran daripada Ketua Pengarah Insuran, harga premium tidak akan ditinggikan.

Maka saya di sini bercadang kalau boleh sebuah syarikat insuran negara harus ditubuhkan demi kepentingan rakyat.

Tuan Yang Dipertua, mengenai perniagaan teksi. Perniagaan teksi buat masa ini adalah di dalam suatu keadaan yang teruk lagi buruk, kerana harga-harga jualan spare parts, tayar dan tiub, premium insuran dan lain-lain belanja belaan telah ditinggikan sehari demi sehari bertambah. Kebanyakan tuannya teksi telah ragu-ragu kemungkinannya menukar keretanya pada suatu hari kereta yang dijalankan ini diperlukan ditukar dengan sebuah kereta yang lebih baru dan sesuai. Maka saya bagi pihak yang berkenaan merayu kepada Menteri yang berkenaan akan menimbangkan perkara kesulitankesulitan ini seperti menurunkan cukai jalan (road tax) dan tetapkan satu jadual tambang yang adil, terutama sekali cadangan penambah kutipan tambang. Tujuan ini hendaklah menurut jadual kutipan tambang seperti sebelum Ihb Ogos, 1971 iaitu kereta teksi satu batu 40 sen dan kereta sewa setiap batu setiap penumpang 10 sen. Pada masa itu bekas Yang Berhormat Menteri Perhubungan yang membenarkan jadual tambang itu telah mengikut penerangan yang salah. iaitu beliau telah mendapat lapuran yang mengatakan pemandu teksi jalan jauh itu mengutip tambang lebih tinggi

Tuan Yang Dipertua: Panjang lagikah Yang Berhormat? Saya fikir sudah sangat jauh dari perkara-perkara yang ada di dalam Rang Undang-undang ini Saya minta dipendekkan sedikit ucapan Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang Dipertua: Baiklah.

Tuan Yang -----

Tuan Yang Dipertua: Saya fikir Menteri yang berkenaan sudah tahu perkara itu. sudah diulang banyak kali.

Tuan Yeap Kheng Yam: Terima kasih, Tuan Yang Dipertua, Teksi ini dapat penumpang dari satu arah sahaja, tetapi di arah yang lain kosong belaka. Contohnya, dia mendapat penumpang dari Kuala Lumpur ke Ipoh dan Utara, tetapi dengan kereta kosong sahaja balik ke Kuala Lumpur dan Selatan sebelum hari besar. Sebaliknya, dengan penuh penumpang dari Utara ke Selatan tetapi dengan kosong sahaja balik ke Utara dari Selatan sesudah hari besar. sebabnya ialah kereta dari Ipoh dan Utara ke Kuala Lumpur dan lain-lain tempat di Selatan itu sekian had sekian bertambah. Mereka balik ke rumah untuk berhari raya dari Selatan dan sesudah hari raya mereka balik bekerja di tempat-tempat di Selatan. Maka terjadi keadaan yang anih iaitu sebelum hari besar penumpang dari Selatan ke Utara banyak, tetapi dari Utara ke Selatan tiada; dan sesudah hari besar penumpang dari Utara ke Selatan banyak. tetapi dari Selatan ke Utara tiada. Kewajipan sebagai pemandu teksi atau kereta sewa ialah memperusahakan perkhidmatan yang memuaskan, maka terpaksa mereka menjalankan kereta dengan tidak cukup penumpang atau langsung tidak ada penumpang ke suatu tempat yang banyak penumpang. Jadi pemandu terpaksa mengutip tambang lebih sedikit dari biasa hanya untuk menggantikan kerugian dalam perjalanan yang tidak atau tak cukup penumpang sahaja. Ini pun hanya pada hari besar seperti tahun baru sahaja.

Tuan Yang Dipertua, sejak dilaksanakan jadual tambang yang baru perniagaan kereta-kereta sewa dan kampung-kampung dan pekan-pekan kecil telah mendapat kesan yang buruk, kerana peluang perniagaan di kampung-kampung dan pekan kecil lebih

kecil peluang dari perniagaan di bandar. Mereka selalu memawa penumpang keluar tetapi balik dengan kosong sahaja ini bermakna mereka berjalan dua kali tetapi pendapatannya hanya satu kali sahaja.maka nyatalah kereta sewa
> \; i ~ el ua<i x :a n 3en ia r ^ ..
4 iV'j'a ^eUu 'rcm;o\u.' :z a''^u "

"O'TU\",, ^^r^:a \:r , f

Tuan Yang Dipertua, yang akhirnya kita sedia maklum bahawa pihak MARA telah memberi, bantuan kepada pemandu teksi bumiputra. tetapi saya dapat tahu bahawa mereka yang meminjam wang itu sekarang sangat susah hendak bayar hutangnya itu. Ini cukuplah membayangkan kesulitan perniagaan teksi itu.

Tuan Yang Dipertua, untuk menyelamatkan perniagaan ini dari kegentingan, maka saya dengan jujur dan ikhlasnya memohon kepada Menteri yang berkenaan supaya

menolong dan memberikan bantuan dengan satu jalan atau cara yang sesuai misalnya cukai jalan (road tax) diturunkan. tetapi tambang ditinggikan dan lain-lain cadangan yang dianggap bagus demi kepentingan mereka khususnya dan untuk kepentingan negara amnya. Sekianlah sahaja. terima kasih.

Tuan Yang Dipertua: Majlis ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pukul 630 petang.